

BAB EMPAT

Arahan Pertahanan Di Bawah Penguasaan Dan Kepentingan Imperial

(1884-1914)

Tahun 1880-an ke atas memperlihatkan kepentingan Imperial dalam memutuskan perkara-perkara berkenaan pertahanan di Negeri-Negeri Selat khususnya Pulau Singapura dan wilayahnya. Peranan pihak Imperial begitu jelas sekali terutama dalam hal perbelanjaan pertahanannya. Keselamatan Pulau Singapura dan wilayahnya adalah merupakan tanggungjawab Imperial. Pihak koloni hanya membayai sebahagian kecil daripada kos pertahanan mereka, manakala selebihnya ditanggung oleh Kerajaan Imperial.

Ini membuktikan bahawa Kerajaan Imperial begitu prihatin terhadap keselamatan "koloni emasnya" itu. Mereka mahu mengekalkan kecemerlangan Pelabuhan Singapura sebagai *port of call* dan depot arang batu serta petroleum yang terpenting di rantau ini. Segala kemudahan perkapalan disediakan, kecekapan pengendalian kapal-kapal di pelabuhan ditingkatkan dan kerja-kerja mendalam dan meluaskan laluan di kawasan pelabuhan turut giat dilaksanakan. Usaha-usaha memperdalamkan pelabuhan New Harbour sebenarnya telah menafikan tanggapan umum bahawa Pelabuhan Singapura merupakan sebuah pelabuhan dalam

semulajadi.

Di samping itu pada tahun 1880-an ini juga, Singapura telah mengorak langkah sebagai sebuah pusat komunikasi utama di Timur. Pembangunan pulau ini juga disokong dengan kemajuan dalam bidang tenaga elektrik. Kesemua faktor berkenaan amat berkait rapat antara satu sama lain untuk menonjolkan Singapura sebagai sebuah pusat komersial yang utama. Pelaburan ke atas kerja-kerja pembangunan ini amat menguntungkan pihak Imperial.

4.1 Aktiviti Perdagangan Di Singapura

Menjelang tahun 1880-an, Singapura merupakan suatu nilai komersial Inggeris yang terulung di Kepulauan Nusantara. Barang dagangan dari merata negara diperdagangkan di sini. Kewujudan sistem bank turut memeriah dan memudahkan perjalanan urusniaga. Di samping itu, Pulau Singapura sentiasa mengalami pertambahan penduduk daripada pelbagai bangsa. Masing-masing ingin mencuba nasib dan menjadi sebahagian daripada penduduk Singapura. Pada tahun 1881, jumlah populasi pulau ini adalah seramai 139,200 orang. Dalam tempoh sepuluh tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1891, populasi Singapura telah meningkat kepada 184,554 orang.¹ Pendek kata, Singapura kini mula menjadi tumpuan penduduk dan golongan peniaga yang tertarik dengan

kemajuan dan pembangunannya.

4.1.1 Kemajuan Perdagangan di Singapura

Perkembangan dan kepentingan Pelabuhan Singapura semakin terserlah dari setahun ke setahun. Kuantiti dan nilai perdagangannya semakin meningkat dan menguntungkan Kerajaan Imperial. Aktiviti syarikat-syarikat perdagangan dan perkапalan di Singapura kebanyakannya beribu pejabat di England dan menjalankan urusan perdagangan Imperial. Perkhidmatan arang batu yang disediakan di pelabuhan ini banyak memainkan peranan dalam menarik tumpuan kapal-kapal dagang ke Singapura. Koloni Negeri-Negeri Selat turut sama merasai bahang kemajuan dan keuntungan yang digarap daripada Pulau Singapura. Dalam era ini, corak perdagangan telah berubah daripada pasaran Asia kepada pasaran Eropah. Dalam masa yang sama, Singapura terus memainkan peranan yang penting dalam aktiviti perdagangan tempatan mahupun antarabangsa.

Barang dagangan yang diimport ke Singapura terdiri daripada kapas, rempah, arang batu, beras, kertas, arak daripada bijian, tembakau, tepung gandum, petroleum dan lain-lain. Sementara eksportnya pula terdiri daripada gambir, getah, rotan, tepung sagu, lada putih, bijih timah, ubi kayu, kelapa kering, buah pala, damar, tebu dan sebagainya.²

Perdagangan di Pulau Singapura ini melibatkan pelbagai negara dan benua seperti kawasan Asia Tenggara, Eropah, China, India dan Amerika.

Jadual 4.1 : Nilai import dan eksport Singapura dari tahun 1884 hingga tahun 1888.

Tahun	Import	Eksport	Jumlah Perdagangan
	\$	\$	\$
1884	73,597,020	61,991,902	135,988,922
1885	70,238,762	59,099,309	129,338,071
1886	72,618,427	58,292,259	130,910,686
1887	86,910,898	71,980,634	158,891,532
1888	100,401,217	84,263,837	184,665,054

Sumber : **Singapore and Straits Directory, 1886-1890.**

Pada tahun 1889, nilai perdagangan Pulau Singapura mencapai sehingga \$199,429,724. Pada tahun 1890 pula, ia telah meningkat sebanyak \$7,336,040 kepada \$206,765,764. Sungguhpun demikian, ia mengalami sedikit kejatuhan kepada \$194,737,695 pada tahun 1891 sebelum meningkat semula pada tahun 1892 kepada \$204,820,511 dan 232,430,734 bagi tahun 1893. Sembilan tahun kemudian, iaitu pada tahun 1902, nilai import Singapura adalah sebanyak \$280,516,661. Sementara eksportnya pula ialah \$234,224,585. Maka, jumlah import dan eksport bagi Pulau Singapura untuk tahun tersebut bernilai \$514,741,246.³ Jadual 4.2

membuktikan kepentingan Pelabuhan Singapura berbanding dengan pelabuhan koloni yang lain seperti Melaka dan Pulau Pinang.

Jadual 4.2 : Nilai perdagangan bagi ketiga-tiga stesen Negeri-Negeri Selat bagi tahun 1902 dan 1903.

Stesen	1902		1903	
	Import	Eksport	Import	Eksport
Singapura	\$ 280,516,661	\$ 234,224,585	\$ 292,096,941	\$ 249,833,269
P. Pinang	79,358,895	76,449,068	97,752,847	74,002,778
Melaka	3,059,262	3,361,283	310,757	1,011,094
Jumlah	362,934,818	314,034,936	390,160,545	324,847,141

Sumber : ARSS, 1891-1903.

Pada tahun 1904, perkembangan perdagangan Singapura begitu menggalakkan. Hampir 3,880,000 tong petroleum telah diimport ke Singapura yang kebanyakannya adalah dari Rusia, Sumatera dan Amerika Syarikat. Sejumlah 2,816,000 tong petroleum daripada jumlah tersebut telah dieksport semula dari Singapura.⁴

4.1.2 Aktiviti Di Pelabuhan Singapura

Pertambahan nilai perdagangan yang dijalankan di Pelabuhan Singapura, secara tidak langsung berkait dengan peningkatan jumlah kapal yang menggunakan perkhidmatan di pelabuhan ini. Bilangan kapal dan tanan meningkat dari setahun ke setahun. Ia memberikan pulangan yang

lumayan kepada Kerajaan Imperial dan Negeri-Negeri Selat. Justeru itu, pentadbiran British perlu memikirkan langkah untuk memelihara kepentingan ini bagi mendominasi persaingan mengangkut dagangan di perairan Asia Tenggara. Mereka juga perlu meningkatkan kemampuan dan perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan mereka bagi menguasai aktiviti perdagangan di rantau ini.

Dalam usaha menguasai persaingan dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Asia Tenggara, pentadbiran British perlu cekap dalam memberikan perkhidmatan perkapalan. Mereka mesti memberikan perhatian kepada kerja-kerja pengendalian kargo dan kapal yang menggunakan laluan Selat Melaka dan singgah di "pulau pelabuhan" tersebut. Pelabuhan Singapura perlu mempunyai limbungan serta dermaga yang mampu mengendalikan kapal-kapal dari pelbagai saiz dan tanan. Pada tahun 1889, terdapat empat buah limbungan kering dan *slips* yang dominan di Pelabuhan Singapura. Ia terdiri daripada Victoria Dock, Albert Dock, Dock No. 1 dan Dock No. 2. (Lihat Jadual 4.3)

Jadual 4.3 : Menunjukkan keadaan fizikal *Graving Docks* dan *Slips* di Pelabuhan Singapura.

	1 feet	2 feet	3 feet	Description	where situated	Owner
Victoria Dock	450	65	20	Graving Dock	Tg. Pagar	Tg. Pagar Dock Co. Ltd.
Albert Dock	485	60	20	"	"	"
No. 1 Dock	375	42	14	"	New Harbour	New Harbour Dock Co. Ltd.
No. 2 Dock	444	58	19	" slip	Tg. Roo	Campbell and Heard Co. Ltd.

1. *Length on block*
2. *Breadth of entrance*
3. *Depth of water on sill at O.S.T.*

Sumber : **Singapore and Straits Directory**, 1889, hal.64.

Syarikat Tanjong Pagar Dock telah membelanjakan wang yang banyak untuk membina dermaga serta limbungan yang boleh menyediakan perkhidmatan yang cekap. Syarikat ini telah memonopoli perkhidmatan dermaga dan limbungan di Pelabuhan Singapura pada tahun 1900.⁵

Jadual 4.4 : Nilai perdagangan yang dikendalikan oleh syarikat perkapalan Tanjong Pagar Dock Board dari tahun 1904 sehingga tahun 1914.

Tahun	Import \$	Eksport \$
1904	5,409,486.56	3,870,669.72
1905	5,420,354.26	4,072,004.79
1906	5,617,784.92	4,097,428.62
1907	6,145,579.25	4,484,476.20
1908	5,822,811.69	4,271,715.37
1909	5,849,063.00	4,267,797.27
1910	5,896,156.52	4,328,184.47
1911	5,740,965.09	4,074,669.33
1912	6,015,648.11	4,216,015.02
1913	6,091,296	4,070,912
1914	5,834,893	3,875,738

Sumber : ARSS, 1908-1914.

Kerja-kerja pembinaan limbungan kering yang baru turut berjalan dengan lancar di Pelabuhan Singapura. Pada tahun 1913, sebuah limbungan kering baru yang terletak di Pelabuhan Keppel telah siap dibina sepenuhnya. Pembukaannya telah dirasmikan oleh Sir Arthur Henderson Young, Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 26hb. Ogos tahun tersebut dengan nama "King's Dock".⁶

Aktiviti perkapalan di Singapura telah menyuburkan industri pembinaan kapal. Pada tahun 1889, 87 buah kapal dengan jumlah berat 5,288 tanan telah dibina di Pulau Singapura. Bilangan ini merosot kepada

79 buah dengan 4,727 tanan pada tahun berikutnya.⁷ Sementara itu pada tahun 1894, bilangan kapal yang dibina di Singapura berjumlah 77 buah dengan 5,232 tanan berbanding dengan 66 buah kapal dan 4,003 tanan pada tahun 1893.⁸

Industri pembinaan kapal di pulau ini telah meningkat dengan mendadak pada tahun 1895. Sebanyak 251 buah kapal dengan jumlah berat 7,464 tanan telah dibina pada tahun berkenaan.⁹ Jumlah ini terus meningkat pada tahun 1897 kepada 353 buah kapal dengan jumlah tanan seberat 13,252.¹⁰ Pada tahun 1903, sejumlah 654 buah kapal dengan 18,252 tanan telah dibina di Singapura. Bilangan ini meningkat dengan drastik kepada 1,077 buah dengan 19,205 tanan pada tahun 1904.¹¹ Secara tidak langsung, pembangunan pelabuhan telah menyumbangkan teknologi dan kepakaran membina kapal kepada Pulau Singapura.

Pelabuhan Singapura atau New Harbour yang kemudiannya ditukarkan kepada nama Pelabuhan Keppel pada tahun 1900 sentiasa sibuk menerima ketibaan kapal dagang asing dan tempatan. Ia juga menjadi tempat persinggahan kapal perang angkatan laut British dan kuasa-kuasa politik yang lain. Jumlah kapal perang dan tanan yang keluar dan masuk di Pelabuhan Singapura meningkat dari semasa ke semasa. Ini berikutan kecekapan pentadbiran pelabuhan dan pelbagai kemudahan perkapalan yang sangat efisien. (Lihat Jadual 4.5 dan 4.6)

Jadual 4.5 : Bilangan kapal dan tanan bagi *square-rigged vessel* yang tiba dan keluar di Pelabuhan Singapura bagi tahun 1889 dan 1890.

	Bilangan	tanan
Tiba	1889	3,869
	1890	3,646
Keluar	1889	3,848
	1890	3,621
Jumlah	1889	7,717
	1890	7,267

Sumber : ARSS, 1890, hal. 19.

Jadual 4.6 : Bilangan kapal dan tanan bagi kategori *Native Craft* dan kapal-kapal wap di bawah 50 tan yang tiba dan keluar di Pelabuhan Singapura pada tahun 1890 dan 1891.

	Bilangan	Tanan
Tiba	1890	5,516
	1891	7,293
Keluar	1890	5,515
	1891	7,188
Jumlah	1890	11,061
	1891	14,481

Sumber : ARSS, 1891, hal. 17.

Daripada kedua-dua jadual di atas, dapat dilihat kehadiran kapal-kapal dagang yang sentiasa meningkat di Pelabuhan Singapura.

Kehadiran kapal wap juga menunjukkan satu peningkatan yang agak drastik. Secara tidak langsung, ini juga menunjukkan perkembangan pembangunan dan kemajuan dramatik yang berlaku di "pulau pelabuhan" tersebut. Pada tahun 1894, sejumlah 17,115 buah kapal yang terdiri daripada kapal wap dan *square-rigged vessel* telah menjadikan Pelabuhan Singapura sebagai pelabuhan untuk berlabuh atau sebagai pelabuhan persinggahan. Sementara itu, jumlah tanan pula adalah sebanyak 10,755,021.¹²

Tiga belas tahun kemudian iaitu pada tahun 1907, jumlah tanan kapal yang diklasifikasikan sebagai kapal dagang atau *merchant vessels* yang menggunakan pelabuhan berkenaan adalah sebanyak 13,579,730 berbanding dengan 13,334,338 tanan pada tahun 1906.¹³ Jumlah tanan ini seterusnya meningkat kepada 13,933,205 pada tahun 1908 dan 14,114,123 bagi tahun 1909.¹⁴ Jumlah tanan *merchant vessels* yang menggunakan ketiga-tiga pelabuhan di Negeri-Negeri Selat, iaitu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1909 adalah sebanyak 22,192,354.¹⁵ Ini membuktikan dominasi Pelabuhan Singapura dalam menerima ketibaan kapal-kapal. Secara tidak langsung, pelabuhan ini turut mendominasi kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan kepada perdagangan dan pelayaran di dunia sebelah Timur.

Kesimpulannya, kemajuan pulau yang kecil ini amat bergantung kepada pelabuhan dan perdagangannya. Ia turut dibantu oleh industri-industri lain seperti industri melebur bijih timah, mengetin nanas, membuat biskut dan sebagainya. Industri-industri berkenaan muncul berikutan permintaan yang tinggi untuk pasaran tempatan mahupun untuk dieksport. Perusahaan mengetin nanas misalnya, telah membuka banyak kawasan penanaman buah tersebut di Pulau Singapura.¹⁶

Kesemua kepentingan perdagangan dan perkapalan yang wujud di "pulau pelabuhan" ini serta disokong oleh faktor bahan bakar menyebabkan pertahanan menjadi amat penting kepada Imperial. Kehadiran kapal dagang dan kapal perang pihak musuh yang berlabuh dan menggunakan perkhidmatan serta kemudahan di pelabuhan juga perlu sentiasa diawasi. Maka satu bentuk perlindungan yang menyeluruh wajar diarahkan oleh Imperial bagi menjamin keselamatan pelabuhan dan depot-depot arang batu di Singapura. Peranan Pejabat Kolonial semakin berkurangan dalam hal-hal pertahanan. Keselamatan dan kerja-kerja pertahanan diperkuatkan bagi melindungi segala kepentingan Imperial yang terdapat di "pulau pelabuhan" tersebut.

4.2 Perbelanjaan Pertahanan

Kerja-kerja pertahanan yang dilaksanakan di Pulau Singapura

dan wilayahnya dalam tahun 1885 hingga 1914 lebih bersandarkan kepada pelan pertahanan yang diusulkan dalam tahap sebelum ini oleh Imperial. Pertentangan pendapat mengenai pembahagian pertahanan Singapura masih lagi menjadi isu dalam perdebatan antara pihak koloni Negeri-Negeri Selat dengan Kerajaan Imperial. Apabila perbelanjaan pertahanan meningkat, perbahasan yang timbul ialah yang mana kerja pertahanan Imperial yang harus dibiayai oleh Imperial dan sebanyak manakah sumbangan kewangan pertahanan bagi koloni. Pihak koloni tetap berpegang dengan janji *Imperial purposes* perlu dibiayai oleh Kerajaan Imperial. Dalam tahap ini, pihak Imperial telah menunjukkan perhatian yang begitu serius terhadap keselamatan Singapura. Malahan, mereka adalah penaja utama dalam membiayai kerja-kerja pertahanan pulau berkenaan.

The Royal Commission on the Defence of British Possession and Commerce Abroad yang ditubuhkan pada tahun 1880 di bawah Lord Carnovan, (bekas Setiausaha Tanah Jajahan) pernah menyuarakan pedapat beliau bahawa koloni Inggeris perlu menampung sendiri kos pertahanan mereka. Di samping itu, lembaga ini juga ada menyebutkan bahawa kadar pembahagian pembiayaan pertahanan akan berubah dari semasa ke semasa. Dalam erti kata lain, lembaga berkenaan cuba menjelaskan bahawa tanah jajahan British perlu mengambil langkah melindungi

pelabuhan mereka sendiri. Dalam masa yang sama, mereka juga perlu menghulurkan sumbangan terhadap perlindungan yang ditawarkan oleh angkatan laut Imperial bagi menjamin keselamatan wilayah perdagangan mereka.¹⁷

Pihak koloni pula berpendapat pembinaan dan wang yang dilaburkan ke atas kerja-kerja pertahanan lebih memberikan manfaat kepada kepentingan Imperial. Tambahan lagi, kata putus berkenaan perlaksanaan kerja pertahanan merupakan keputusan pihak Imperial tanpa merujuk kepada penduduk koloni Negeri-Negeri Selat. Maka, kehadiran tentera untuk mengendalikan kerja pertahanan adalah menjadi tanggungjawab Imperial. Sebenarnya luahan rasa ini tidak jauh berbeza dengan bantahan penduduk-penduduk Singapura dan koloni yang lain terhadap hal-hal berkaitan dengan pertahanan yang diselenggarakan oleh pentadbiran British di India semasa isu "Perpindahan 1867" yang termaktub dalam laporan H. Robinson " Report On The Military Defence Of Straits Settlements, 1864". Namun begitu dalam masa yang sama pihak koloni menyedari dan menggesa Kerajaan Imperial mengambil langkah untuk mengukuhkan pertahanan Singapura. Ini kerana mereka sedar bahawa pertahanan Singapura berada dalam keadaan "tidak dilindungi" dan mudah diceroboh oleh pihak musuh.¹⁸

4.2.1 Pembiayaan Pertahanan Antara Pihak Imperial Dan Kolonial

Pada tahun 1888, *an inter-departmental Committee* yang dikenali sebagai *Colonial Contributions Committee* telah ditubuhkan di bawah Sir Arthur Haliburton. Badan ini mengkaji pembahagian kos bagi pasukan garisen yang dianggarkan oleh Jawatankuasa Pertahanan Kolonial. Tujuannya adalah menetapkan kadar yang perlu ditanggung oleh sesebuah koloni. Mereka telah mencapai satu keputusan yang mana bagi koloni yang tidak membuat sumbangan ke atas kos pertahanan lautnya, ia perlu menanggung keseluruhan kos pertahanan darat.¹⁹

Setiausaha Tanah Jajahan pernah menyatakan bahawa:

"Self preservation is the first law of nature. If the capture of Singapore would be a serious blow to the Empire in loss of prestige and by breaking its power in the Eastern seas, the capture would be mean ruin to many inhabitants of the Colony and severe loss and hardship to all".²⁰

Kenyataan di atas tidak dipertikaikan oleh sesiapa pun di Negeri-Negeri Selat. Kehadiran pertahanan dan angkatan laut Imperial adalah sangat penting bagi menjamin keselamatan Pulau Singapura. Secara disedari atau tidak, dakwaan yang selama ini dipegang oleh pihak koloni bahawa *Imperial purposes* secara mutlak perlu ditampung oleh Imperial sahaja telah dinafikan. Sebagaimana Hong Kong, Singapura juga sangat penting kepada Inggeris kerana faktor pelabuhan, bahan api dan lokasinya. Untuk memastikan penguasaan mereka dalam bidang perdagangan di

rantau ini, maka faktor-faktor berkenaan mesti dilindungi. Akhirnya pada tahun 1885 berikutan persetujuan yang telah dicapai, koloni perlu menyedia dan membiayai kerja-kerja pertahanan. Sementara pihak Imperial pula menampung perbelanjaan persenjataannya.

Jadual 4.7 Pembiayaan perbelanjaan dalam pound sterling antara koloni dan Imperial bagi pembinaan berek-berek baru dan persenjataan koloni antara tahun 1885 sehingga 1888 serta antara tahun 1878 hingga 1888.

Subjects	Colonial	Imperial
Fortifications 1885-1888	81,000	121,914
Submarine Defences	1,291	6,160 (works) 16,500 (vessels & stores)
Defence of 1878 + Submarine	6,891	25,325 (works) 24,653 (armaments)
New barracks 1878-1888	4,326	3,704
Total	93,508	198,256

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

Secara tidak langsung, ia menjelaskan bahawa Kerajaan Imperial membiayai lebih $\frac{2}{3}$ daripada kos *works* dan *fortifications* koloni.²¹ Sementara itu, Setiausaha Pejabat Kolonial berpendapat bahawa koloni tidak seharusnya terus-menerus menanggung beban membiayai segala

kemudahan tentera dan pasukan pertahanan sistem periuk api tanpa mengetahui jumlah perbelanjaan dan kemampuan pihak Imperial menggantikan semula perbelanjaan tersebut.²²

Sehingga akhir tahun 1885, jumlah dolar yang diperuntukkan oleh Kerajaan Imperial di England bagi kerja pertahanan dan kemudahan tentera di Singapura adalah sebanyak \$40,751.58.²³ Perbelanjaan tersebut merangkumi kerja-kerja seperti penyediaan kemudahan tentera dan pemasangan sistem pertahanan periuk api di beberapa lokasi pertahanan di Pulau Singapura dan Pulau Brani. (Lihat Jadual 4.8) Jadual 4.9 pula menunjukkan perbelanjaan pertahanan yang ditampung oleh Imperial dari tahun 1878 hingga 1887.

Jadual 4.8 Kerja-kerja pertahanan dan kos pembiayaan yang terlibat sehingga akhir tahun 1885.

1. Penyediaan kemudahan bagi tentera di Pulau Brani (Royal Engineers)	\$ 1,500.00
2. Penyediaan quarters bagi 15 orang tentera Sikh di Fort Canning	\$ 748.63
3. Penyediaan bilik kawalan sementara dan <i>sentry shelter</i> untuk pertahanan Singapura	\$ 167.87
4. Perbelanjaan pemasangan periuk api bagi pertahanan pelabuhan	\$ 4,760.68
5. Pembinaan kemudahan bagi batalion pertahanan periuk api di Pulau Brani	\$24,074.40
6. Penyediaan banglo dan kemudahannya di Tanglin	\$ 9,500.00
Jumlah	\$40,751.58

Sumber : CO 273/136 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 9 Dis. 1885,
desp. 461, ff. 300-302.

Jadual 4.9 Kos pertahanan koloni yang dibiayai oleh pihak Imperial dari tahun 1878 hingga 1887.

Pound Sterling				
Year	Works	Armament	S/M Mining	Freight
1878/79	14,372	16,600	5,000	254
1879/80	4,851			
1880/81	1,568			
1881/82	539			
1882/83	750			
1883/84	735			
1884/85	1,031	9,250	16,500	300
1885/86	4,181	33,450		1,270
1886/87	401	30,641		623
Total	28,428	89,941	21,500	2,447

Jumlah keseluruhan = £142,316.

Sumber : CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 30 Ogos 1887, desp. War, ff. 353-357.

Sebagai salah satu daripada pengkalan arang batu Imperial yang utama dan memegang laluan perdagangan dan komunikasi dunia di sebelah Timur, Singapura perlu dilengkapi dengan sistem pertahanan periuk api. Bentuk pertahanan ini dijangka akan dapat membantu kerja-kerja pertahanan perkubuan dan barisan *battery* pantai untuk menawarkan tingkat keselamatan yang maksimum kepada Singapura.

Dengan itu, satu kor tentera berbangsa Melayu telah ditubuhkan dalam sistem pertahanan periuk api bagi pertahanan Hong Kong,

Singapura, Trincomalee dan Mauritius. Mereka terdiri daripada empat *companies* dan disertai oleh pegawai-pegawai British. Jumlah anggota pasukan berkenaan adalah seramai 295 orang. Dalam sistem pertahanan periuk api ini, setiap koloni tersebut perlu membiayai $\frac{1}{4}$ atau £20,000 daripada jumlah keseluruhan perbelanjaannya.²⁴ Jumlah ini termasuk kos pakaian, pengangkutan, kelengkapan senjata dan latihan.

	Pound Sterling
British Native	8,738 7,172
Jumlah Pakaian Pengangkutan, kelengkapan senjata dan latihan	15,910 1,253 2,837
Jumlah	20,000

Sumber : CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Ogos 1885, desp. War, ff. 632-640.

Perbelanjaan pertahanan Singapura pada tahun 1888 hingga 1889 pula berjumlah £136,154. Ia merangkumi kos garisen sebanyak £129,178 dan kos berek serta lain-lain sebanyak £6,796. Mengikut persetujuan yang dicapai dalam tahun 1866, koloni akan menanggung sepenuhnya kos perbelanjaan tersebut kerana ia melibatkan pertahanan koloni.²⁵

Pihak Kolonial sepatutnya bersedia membiayai sebahagian besar kos pertahanannya kerana tiada cukai kastam dan cukai pendapatan

diamalkan di Singapura, manakala $\frac{2}{3}$ daripada pendapatannya diperolehi daripada lesen-lesen perniagaan, khasnya dari candu. Tambahan pula, rancangan penubuhan anggota bagi pertahanan tempatan (*local forces*) tidak dilaksanakan. Di samping itu, rancangan pembiayaan pertahanan koloni juga tidak dilaksanakan. Maka, pihak Imperial dan pembayar cukai British terpaksa membiayai kos pembinaan pertahanan koloni. Perkara ini sebenarnya memberikan satu kelebihan kepada penduduk-penduduk Negeri-Negeri Selat.²⁶

Kos garisen Negeri-Negeri Selat juga boleh dikatakan meningkat dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, kehadiran anggota pertahanan atau garisen ini penting bagi mengendalikan kerja-kerja pertahanan yang dibina di koloni ini. Pembiayaan pasukan garisen ini agak kurang jelas jika dibandingkan dengan pembahagian tanggungan perbelanjaan ke atas kerja-kerja pertahanan. Ini kerana terdapat anggota pertahanan yang memegang tugas *Imperial purposes* dan anggota pertahanan yang diarahkan mengendalikan kerja-kerja pertahanan yang dibiayai oleh Imperial (sistem pertahanan periuk api), di samping anggota tentera yang bertanggungjawab ke atas keselamatan koloni semata-mata. Pada tahun 1903, koloni bersedia menyumbangkan sejumlah wang yang banyak sebagai perbelanjaan pertahanannya dengan berpendapat bahawa satu pasukan regimen British dengan kekuatan yang penuh perlu

ditempatkan di Singapura.²⁷

Jadual 4.10 Kos bagi garisen dan kerja-kerja pertahanan koloni berbanding dengan pendapatan yang diperolehi dari tahun 1900 hingga 1914.

Tahun	Pendapatan \$	Pertahanan \$	Kos garisen \$
1900	5,386,556	1,045,720	1,080,848
1901	7,041,686	1,366,617	1,166,409
1902	7,754,736	1,443,223	1,517,207
1903	7,958,496	1,494,611	2,435,029
1904	10,629,329	2,087,696	2,516,037
1905	11,656,153	1,863,152	1,776,938
1906	9,618,314	1,839,708	2,247,390
1907	10,023,008	1,857,067	2,317,089
1908	8,969,015	1,632,575	2,366,492
1909	8,795,001	1,598,372	2,516,047
1910	9,336,328	1,554,777	2,542,738
1911	11,409,221	1,874,961	2,549,141
1912	12,912,577	2,146,528	*
1913	12,397,747	2,243,726	2,300,000
1914	14,016,882	2,622,703	1,743,872

* Kos garisen tidak dapat dipastikan.

Sumber: Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.

Daripada jumlah wang yang diperuntukkan bagi kerja-kerja pertahanan dan kos menampung garisen, jelaslah bahawa koloni Negeri-Negeri Selat dan Kerajaan Imperial begitu prihatin terhadap keselamatan Pulau Singapura dan wilayahnya. Jika dibuat perbandingan antara *Military Contribution* Negeri-Negeri Selat dan kos bagi garisennya adalah hampir sama banyak. Malah, pada sesetengah tahun pula, kos garisen melebihi *Military Contribution* iaitu bermula dari tahun 1903 sehingga 1913.

4.2.2 Sumbangan Perbelanjaan Pertahanan Koloni

Beberapa tahun sebelum perpindahan Negeri-Negeri Selat ke London, mereka terpaksa memperuntukkan sebanyak 53% daripada pendapatannya bagi membiayai kerja-kerja pertahanan. Ekoran permintaan dan rayuan para pedagang di koloni agar kadar berkenaan dikurangkan, Kerajaan British England telah bersetuju untuk mengurangkannya kepada 33%. Setahun sebelum perpindahan tersebut, pihak Imperial telah memutuskan bahawa sebanyak 27% daripada pendapatan koloni akan disumbangkan ke dalam perbelanjaan pertahanan. Sementara itu, setahun selepas perpindahan pula, koloni telah dikenakan sumbangan sebanyak 22% daripada pendapatannya sebagai perbelanjaan pertahanan.

Pada tahun 1888, dianggarkan pendapatan koloni berjumlah hampir £619,000. Sementara *Military Contribution* yang dikenakan pula

adalah sebanyak £40,000 atau kurang daripada 7% daripada jumlah pendapatan tersebut. Perbelanjaan pertahanan yang dibiayai oleh pendapatan koloni sebagai *Military Contribution* adalah tidak melebihi £50,000. Jumlah ini tidak merangkumi pembiayaan pembinaan kerja-kerja pertahanan.²⁸ Ini bermakna *Military Contribution* yang dikenakan ke atas Negeri-Negeri Selat merosot daripada £80,000 dalam tahun 1861 kepada £40,000 pada tahun 1888. Sebenarnya kemerosotan ini bukanlah akibat daripada pengurangan kos garisen. Sebaliknya kos garisen semakin meningkat dan peningkatan ini ditanggung oleh pembayar cukai di Britain.²⁹

Selepas tahun 1888, *Military Contribution* Negeri-Negeri Selat yang telah diputuskan bagi empat tahun seterusnya pula adalah sebanyak £100,000. Jumlah tersebut termasuklah kos penyelenggaraan dan pembaikan kerja-kerja berkaitan pertahanan dan lain-lain bangunan tentera.³⁰ Peningkatan dalam *Military Contribution* sebanyak £100,000 itu dirasakan bukanlah satu tindakan kurang adil daripada pihak Imperial. Ini kerana jumlah tersebut dianggap berpatutan dengan bilangan anggota tentera seramai 1,519 *of all ranks* yang akan ditempatkan di koloni. Tambahan lagi kos garisen Negeri-Negeri Selat pada tahun 1890 adalah melebihi daripada sumbangan pertahanan yang dibuat oleh koloni. Oleh itu, pihak Imperial tidak nampak sebarang alasan yang kukuh bagi

mengurangkan jumlah sumbangan yang telah ditetapkan itu.³¹

Sumbangan pertahanan ini boleh dibahagikan kepada empat perkara, iaitu kubu pertahanan, senjata, sistem pertahanan periuk api dan berek-berek bagi menempatkan tentera tambahan. Hasil persetujuan yang dicapai sebelum ini, koloni akan menyediakan kerja-kerja pembinaan kubu pertahanan dan berek. Pihak Imperial pula akan menanggung kos pembiayaan senjata termasuklah sistem pertahanan periuk api.³²

Pada tahun 1889, sumbangan yang dibuat oleh koloni bagi pertahanan Singapura masih lagi bernilai sebanyak £50,145 setahun. Jumlah ini kemudian dinaikkan kepada £100,000 setahun oleh Kerajaan Imperial.³³ Selama hampir lima tahun koloni telah merayu agar jumlah sumbangan pertahanannya dikurangkan. Kerajaan British di England telah bersetuju untuk memenuhi permintaan tersebut. Maka, sumbangan pertahanan yang perlu dibuat oleh koloni telah dikurangkan kepada £80,000 pada tahun 1894. Sungguhpun demikian, keputusan ini tidak memberi makna kepada koloni kerana pihaknya telah mengeluarkan jumlah wang sebanyak £20,000 pada awal tahun tersebut untuk membiayai pembinaan berek-berek baru di koloni.

Pada tahun 1895, jumlah sumbangan pertahanan yang dibuat oleh koloni dinilaikan kepada 20% daripada jumlah pendapatannya. Bagi tahun 1896 pula, asas sumbangan *Military Contribution* Negeri-Negeri Selat

telah ditetapkan kepada 17.5 % daripada pendapatan kasar yang diperolehi oleh koloni. Kadar ini tidak termasuk kos ke atas perbelanjaan tanah dan bangunan pertahanan yang terus menjadi tanggungjawab koloni untuk membiayainya.³⁴ Peratusan *Military Contribution* koloni adalah berbeza-beza dalam tahun 1880-an dan 1890-an serta sentiasa diperdebatkan antara pihak Imperial dan Kolonial.

Kemudian pada tahun 1899, kadar peratus pertahanan daripada pendapatan koloni telah ditetapkan dalam Ordinan No. 64 tahun 1899. Ordinan ini menyebutkan bahawa sumbangan koloni Negeri-Negeri Selat kepada Perbadanan Imperial bagi perkhidmatan pertahanan tempatan ditetapkan kepada 20% daripada jumlah pendapatan yang diperolehnya.³⁵ Kadar ini dikekalkan sehingga rancangan pembinaan pengkalan laut Imperial di Singapura.

Daripada peratusan perbelanjaan Negeri-Negeri Selat, aspek pertahanan dilihat sebagai satu agenda utama dalam merancang pembangunan Pulau Singapura dan wilayahnya. Bermula dari tahun 1899 hingga 1910, kadar peratus daripada jumlah perbelanjaan pertahanan Negeri-Negeri Selat meningkat kepada hampir 20%. Kadar ini kemudiannya menjangkau sehingga lebih daripada 25% pada tahun 1914. Peratusan perbelanjaan pertahanan dalam kewangan Negeri-Negeri Selat adalah besar memandangkan perbelanjaan koloni merangkumi kos-kos

untuk keperluan awam seperti pembinaan infrastruktur, gaji kakitangan awam dan lain-lain perkhidmatan.

Jadual 4.11 : Jumlah pendapatan dan perbelanjaan serta perbelanjaan pertahanan bagi koloni dari tahun 1884 sehingga 1914.

Tahun	Pendapatan \$	Perbelanjaan \$	Pertahanan \$	% pertahanan daripada perbelanjaan
1899	5,200,027	5,060,523	884,004	17.4
1900	5,386,556	6,030,740	1,045,720	17.3
1901	7,041,686	7,315,001	1,366,617	18.6
1902	7,754,736	7,601,354	1,443,223	18.9
1903	7,958,496	8,185,952	1,494,611	18.2
1904	10,629,329	11,134,865	2,087,696	18.7
1905	11,656,153	11,005,137	1,863,152	16.9
1906	9,618,314	9,333,901	1,839,708	19.7
1907	10,023,008	9,499,693	1,857,067	19.5
1908	8,969,015	9,837,624	1,632,575	16.5
1909	8,795,001	8,542,731	1,598,372	18.7
1910	9,336,328	7,532,242	1,554,777	20.6
1911	11,409,221	9,085,389	1,874,961	20.6
1912	12,912,577	9,295,102	2,146,528	23.1
1913	12,397,747	10,468,618	2,243,726	21.4
1914	14,016,882	10,180,188	2,622,703	25.7

Sumber : Disusun dari Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.

Daripada peratusan perbelanjaan Negeri-Negeri Selat yang dikeluarkan *Military Contribution*, didapati Kerajaan Imperial sentiasa melihat aspek pertahanan sebagai satu agenda yang utama dalam merancang pembangunan Pulau Singapura dan wilayahnya. Bermula dari tahun 1899 sehingga tahun 1910, kadar peratus daripada jumlah perbelanjaan Negeri-Negeri Selat bagi pertahanannya meningkat kepada hampir 20%. Kadar ini kemudiannya menjangkau sehingga lebih daripada 25% pada tahun 1914.

4.3 Perlaksanaan Kerja-kerja Pertahanan

Para penduduk Negeri-Negeri Selat amat menyedari bahawa perhatian yang serius harus diberikan terhadap kepentingan pertahanan Singapura. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama, mereka cuba mengelak daripada membayar *Military Contribution* yang besar kepada Kerajaan Imperial bagi membiayai pertahanan koloni. Namun perkara ini tidak sepatutnya menjadi perbalahan di antara kedua-dua belah pihak. Ini kerana kedua-dua pihak mempunyai kepentingan masing-masing di "pulau pelabuhan" tersebut. Pihak koloni perlu mengekal dan melindungi hasil pendapatan dari aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perkapalan. Pihak Imperial pula perlu menjaga kepentingan empayar British di Timur Jauh.

Pada suku akhir abad ke 19, pihak Imperial seolah-olah tidak

dapat membuat satu keputusan yang baik dalam memutuskan perkara berkenaan pertahanan koloni Negeri-Negeri Selat. Sesetengah pihak lebih memberikan perhatian kepada Hong Kong, manakala satu pihak lagi melihat Singapura sebagai satu tumpuan kepentingan Inggeris yang utama. Secara tidak langsung, hal ini serba sedikit menjadi gangguan kepada perlaksanaan kerja-kerja pertahanan Singapura.

... fortification of Singapore was postponed until next year, in view of the greater importance of Hong Kong; and that the Governor of the Straits Settlements had been ordered to take whatever steps he considered advisable for the protection of the ports.³⁶

Para penduduk Eropah serta masyarakat tempatan di Singapura merasa sangsi terhadap kelewatan rancangan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan di pulau tersebut. Mereka beranggapan bahawa Kerajaan Imperial kurang memberikan perhatian ke atas kepentingan untuk melindungi koloni ini, khususnya Singapura.³⁷ Untuk mententeramkan para penduduk di Singapura, Gabenor Cecil Clementi Smith turut mempersoalkan kelewatan penghantaran senjata-senjata dari England untuk ditempatkan di kubu-kubu pertahanan yang telah siap dibina di pulau berkenaan.³⁸

Masalah ini perlu diatasi dengan segera bagi memastikan perlindungan yang baik dapat ditawarkan kepada koloni. Kerja-kerja pertahanan Pulau Singapura yang diarahkan oleh Imperial dibahagikan

kepada empat bahagian. Ia terdiri daripada *Western Defences*, *Eastern Defences No. 1*, *Eastern Defences No. 2* dan *Land Defences* atau *Northern Defences*. *Western Defences* (pertahanan di sebelah barat) melibatkan kerja-kerja pertahanan di Pasir Panjang, Belayar Point, Siloso dan Blakang Mati Redoubt. *Eastern Defences No. 1* (pertahanan nombor satu di sebelah timur) pula terdiri daripada Connaught, Serapong dan Berala Point serta Teregeh. Bagi *Eastern Defences No. 2* (pertahanan nombor dua di sebelah timur), ia terdiri daripada kerja-kerja pertahanan di Mount Palmer, Fort Canning dan Tanjung Katong. *Northern Defences* (pertahanan di sebelah utara) pula terdiri daripada kawasan di Faber Ridge, Alexandra Position, Labrador Heights dan *docks* (kawasan limbungan).³⁹ Kawasan-kawasan tersebut adalah lokasi yang strategik. Pembinaan kerja-kerja pertahanan di lokasi-lokasi berkenaan dapat menguatkan lagi perlindungan dan keselamatan yang ditawarkan.

4.3.1 Persenjataan Bagi Pertahanan Singapura

Pada akhir April 1885, Gabenor telah mengutarakan tentang penghantaran bot torpedo seperti yang telah dirancangkan lebih awal ke Singapura. Beliau merasakan kedudukan pulau ini yang pernah dikatakan sebagai lebih utama daripada Hong Kong memerlukan satu sistem pertahanan yang padu dan dapat melindungi pelabuhannya. Beliau

mahukan bentuk pertahanan sebagaimana yang dilaksanakan di Hong Kong. Sebagai tambahan, koloni Negeri-Negeri Selat, khususnya Singapura perlu dibekalkan dengan enam "Whiteheads", *dropping gear* dan *air pump* kerana pertahanan pulau berkenaan tidak mempunyai peralatan sebegini. Beliau juga berharap *Legislative Council* boleh meluluskan perbelanjaan peralatan tersebut yang bernilai kira-kira £3,000.⁴⁰

Bagi meningkatkan keupayaan sistem persenjataan di kubu pertahanan Tanjong Katong, Pejabat Perang telah bersedia untuk menghantar senjata baru, iaitu "Breech Loading Guns" ("B.L.") untuk ditempatkan di kubu pertahanan tersebut. Usaha ini akan menjadikan sistem pertahanan di kubu Tanjong Katong lebih efisien dan mantap. Namun demikian, maklumat terperinci mengenai bentuk senjata tersebut masih belum diputuskan secara rasmi. Sementara itu anggaran kos meriam-meriam "B.L." berkenaan adalah sebanyak £83,700.⁴¹

Jadual 4.12 Rancangan dan penghantaran senjata ke Singapura pada tahun 1885.

Original proposals	numbers	now to be supplied
10 inch B.L.	-	2
9.2 inch B.L.	9	5
8 inch B.L.	-	4
7 inch B.L.	4	5
64 pounder	10	7
Total	23	23

Sumber: CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 24 Jul. 1885, desp. War, ff. 628-630.

Major Henry McCallum R.E. dari *Colonial Engineer* yang terlibat dalam kerja-kerja pertahanan baru di Pasir Panjang turut menguruskan persenjataan bagi kubu pertahanan berkenaan. Beliau juga merangkakan perletakan senjata baru serta penghantaran *pivots* dan *racers* untuk senjata tersebut. Peralatan dan senjata baru itu diharapkan dapat dihantar ke Pulau Singapura pada awal tahun 1886.⁴²

Pada pertengahan tahun 1885, Pejabat Perang telah meluluskan penghantaran senjata bagi pasukan pertahanan pantai (*coast batteries*) di Pulau Singapura. Bekalan senjata tersebut terdiri daripada meriam "B.L." dan "Muzzle Loading" ("M.L."). (Lihat rajah di bawah)


Bilangan	Jenis Senjata
2	10 inch B.L. guns
7	9.2 inch B.L. guns
8	7 inch M.L. guns
7	64 pr M.L. guns

Sumber: CO 273/137: Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 15 Jun 1885, desp. War, ff. 613-622.

Di samping itu, tambahan *6 pr quick firing B.L. guns* turut diluluskan. Namun begitu, tiada sebarang keputusan yang berkaitan dengan kerja-kerja pertahanan ini boleh diambil tanpa pengetahuan dan kelulusan daripada Pegawai Pemerintah Tentera (*Officer Commanding the Troops*) di Singapura. Pegawai berkenaan telah mendapat arahan daripada *General Officer Commanding in China* untuk memberikan kerjasama dan keperluan serta kemudahan bagi melaksanakan pembinaan kerja-kerja pertahanan yang baru ini.⁴³

Colonial Engineers yang bertanggungjawab mengawasi dan mengendalikan kerja-kerja pertahanan di Pulau Singapura mendapati perlunya menempatkan dua laras meriam yang berukuran lilit 9 inci jenis *M.L.* di Mount Siloso. Senjata ini boleh digunakan untuk mengawasi keselamatan dan pertahanan di sebelah barat pintu masuk ke pelabuhan. Ia menjadi tambahan kepada kedudukan meriam yang telah diluluskan oleh Setiausaha Tanah Jajahan serta meriam yang telah ditempatkan

Peta 4.1 Cadangan kerja-kerja pertahanan Singapura, 1886 (Dilukis semula)



Sumber : CO 537/46 : Admiralty kepada Pejabat Kolonial, 25 Nov. 1887, desp. Conf., ff. 199-227.

sebelum ini. Namun begitu, Pejabat Perang tidak dapat memutuskan perkara berkenaan tambahan meriam tersebut. Ini kerana ia melibatkan pertambahan penembak yang sudah pastinya akan meningkatkan lagi kos pertahanan. Tambahan pula, pihak Pejabat Perang berpendapat kerja-kerja pertahanan di kawasan sebelah barat pelabuhan sudah mampu menghadapi sebarang kemungkinan pencerobohan dan ancaman pihak musuh.⁴⁴ Sehingga akhir tahun 1887, kerja-kerja pertahanan yang dibina di Pulau Singapura dan Pulau Blakang Mati telah dilengkapi dengan peralatan senjata seperti meriam. Meriam yang pelbagai jenis ini berfungsi untuk melindungi *roads* dan kawasan pelabuhan.

Jadual 4.13 Kubu-kubu pertahanan yang telah dilengkapi dengan persenjataan sehingga akhir tahun 1887.

Fortifications	7 inch of 7 tons	7 inch of 6 1/2 tons	64 pr RML	7 pr RML
Blakang Mati	-	4	2	-
Mt. Siloso	-	3	2	-
Mt. Palmer	-	3	2	-
Tg. Katong	3	-	-	-
General defence	-	-	-	4
Total	3	10	6	4

Sumber: CO 537/46 : Admiralty kepada Pejabat Kolonial, 25 Nov. 1887, desp. 227, ff. 199-227.

Perbalahan antara pihak Imperial dan Kolonial dalam perkara menanggung perbelanjaan pertahanan koloni seringkali mengganggu perancangan pertahanan yang telah dirangka. Namun begitu, masalah ini tidak sama sekali membatalkan setiap perancangan berkenaan. Ia cuma memperlambangkan perlaksanaan kerja-kerja tersebut sahaja. Jadual 4.13 dan 4.14 yang berikutnya dapat menunjukkan dengan jelas perancangan pertahanan berbanding dengan perlaksanaan yang dapat dijalankan.

Jadual 4.14 Rangka perlaksanaan pertahanan dan persenjataan bagi kerja-kerja pertahanan di Singapura pada akhir tahun 1887.

Works	New B.L. guns			R.M.L. guns				6 pr QF	Machine gun
	10"	9.2"	8"	7" of 7 ton	7" of 6 1/2 tons	64 pr	7 pr		
Fort Siloso		1			4				
P. Panjang		2			2				
Mt. Palmer	2								
B. Mati East		2			3				
Mt. Serapong			2						
Tereqeh Point						1			
Tq. Katong			2						
Defence of mine field								6	6
Total	2	5	4		9	3		6	9

Sumber: CO 537/46 : Admiralty kepada Pejabat Kolonial, 25 Nov. 1887, desp. 227, ff. 199-227.

Pada awal tahun 1888, penghantaran kelengkapan-kelengkapan tentera dan senjata untuk pertahanan Negeri-Negeri Selat ke

Singapura telah ditangguhkan. Pihak Pejabat Perang berasa kecewa dengan perkara tersebut. Masalah ini timbul berikutan kesukaran untuk menepati janji dalam penghantaran meriam berukuran lilit 9.2 inci "B.L." ke Singapura. Ia disebabkan kapal yang mengangkut senjata terpaksa disesuaikan dengan jenis senjata yang diangkut. Oleh itu, Pejabat Perang berharap agar senjata yang diperlukan dapat dihantar ke Singapura pada tahun 1889. Stor-stor penyimpanan senjata pula sedang diubahsuai untuk menempatkan semua peralatan bagi meriam yang berukuran lilit 9.2 inci jenis "B.L." tersebut. Di samping itu, meriam berukuran lilit 10 ini jenis "B.L." pula sedang dalam persediaan untuk dihantar ke koloni ini.⁴⁵ Sungguhpun demikian, peralatan-peralatan bagi meriam berkenaan tidak dapat diselenggarakan sehingga tahun 1889.⁴⁶

Penghantaran *quick firing guns* yang telah dijanjikan oleh kontraktor-kontraktor senjata ke Singapura pada 31hb. Mac 1888 masih belum diterima. Hanya pada bulan November dalam tahun tersebut, barulah ianya hampir bersedia untuk dihantar ke Singapura dengan tujuan memperhebatkan lagi pertahanan di pulau berkenaan.⁴⁷

Dalam pada itu, sehingga bulan Ogos 1885, kerja-kerja pertahanan atau pengubahsuai senjata di Mount Palmer bagi mengawasi pertahanan di sebelah timur pintu masuk ke pelabuhan dirasakan masih tidak perlu dilaksanakan. Tambahan pula sebelum kerja-kerja pertahanan

baru itu siap, kerja pemindahan senjata tidak perlu dilakukan. Ini bagi mengelakkan Pulau Singapura dibiarkan tanpa pertahanan atau dalam keadaan tidak dilindungi.⁴⁸ Pada tahun 1888, pihak perancang pertahanan Singapura telah mengusulkan agar kerja-kerja pertahanan dibina di kawasan terumbu karang antara Malay Spit dan Tanjong Pagar. Senjata boleh ditempatkan di kawasan ini bagi mengawasi *roads* dan kawasan pemasangan senjata periuk api.⁴⁹

Pada awal tahun 1890-an, latihan-latihan ketenteraan juga sedang diadakan di Mount Palmer dengan menggunakan meriam yang berukuran lilit 10 inci. Para penembak didapati masih baru dalam mengendalikan senjata berkenaan. Jarak tembakan senjata jenis ini mampu untuk mencapai sehingga 6,800 ela dengan kelajuan $3 \frac{1}{2}$ knot.⁵⁰ *Range finding emplacements* turut ditempatkan di Fort Palmer untuk kemudahan meriam yang mempunyai sudut ketinggian tembakan yang rendah seperti meriam 10 inci jenis "B.L."⁵¹

Dengan penggunaan senjata yang dianggap efisien, pertahanan di pelabuhan tidak sahaja menawarkan perlindungan yang terbaik kepada aktiviti perdagangan di Singapura. Ia turut sama membantu menjadikan pulau tersebut sebagai pusat kepentingan kepada pihak koloni dan Imperial. Namun begitu, pada tahun 1894, meriam-meriam di Fort Tanjong Katong telah dipindahkan ke Fort Serapong, Pulau Blakang Mati.

Kedudukan perkubuan Tanjong Katong sebagai sebuah kubu pertahanan telah dibatalkan berikutan terdapat banyak pokok yang melindungi sasaran tembakan meriamnya. Dengan pembatalan tersebut, kerja-kerja melengkapkan pertahanan di Pulau Blakang Mati boleh ditampung daripada peruntukan pertahanan bagi kubu di Tanjong Katong.⁵²

Pada pertengahan tahun 1890, beberapa laras meriam juga telah ditempatkan di jalan masuk ke Inner Harbour. Selaras meriam yang berukuran lilit 7 inci diletakkan di Fort Siloso, Pulau Blakang Mati. Meriam berukuran lilit 9.2 inci pula diletakkan di Fort Connaught serta meriam berukuran lilit 8 inci di Fort Serapong. Senjata ini boleh memenuhi keperluan pertahanan di Inner Harbour. Meriam yang berukuran lilit 7 inci sangat sesuai untuk mengawasi jalan masuk ke pelabuhan kerana mempunyai sasaran tembakan sejauh 800 ela. Meriam yang berukuran lilit 9.2 inci pula mampu mengawasi kawasan limbungan sejauh 1000 ela dari pintu masuk ke Inner Harbour di sebelah timur.⁵³

Dalam surat Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial pada bulan September 1891, Ralph Thompson, seorang pegawai di Pejabat Perang telah mengeluarkan kenyataan mengenai pertambahan senjata di Singapura. Pertambahan senjata ini perlu untuk memantapkan lagi sistem pertahanan Singapura. Kesemua senjata berkenaan telah ditempatkan di kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya, kecuali selaras

meriam berukuran lilit 8 inci jenis "B.L.". Ini kerana, ia masih dalam peringkat urusan pembelian dan akan dihantar dalam tempoh beberapa bulan kemudiannya.⁵⁴

Jadual 4.15 Bilangan pertambahan senjata bagi pertahanan Singapura pada tahun 1891.

Bilangan	Persenjataan
2	10 inch B.L. guns
5	9.2 inch B.L. guns
4	6 inch B.L. guns
9	7 inch B.L. guns
6	64 pr B.M.L. guns
6	9 pr B.M.L. guns
4	7 pr B.M.L. guns
6	6 pr B.M.L. guns

Sumber: CO 273/178 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 5 Mei 1891, desp. War, ff. 207-210.

Di samping kerja-kerja pertahanan darat, perancang pertahanan koloni khususnya bagi Singapura, juga telah mempertimbangkan langkah keselamatan atau kerja pertahanan laut. Sistem pertahanan laut Singapura atau *floating defences* mula diperaktikkan secara lebih nyata dalam skim pertahanan pulau tersebut. Sebagai tambahan, sistem pertahanan periuk api telah diaplikasikan. Sistem pertahanan periuk api ini akan dipasangkan di kedudukan-kedudukan yang

strategik di kawasan pelabuhan. Tujuannya untuk mengukuhkan lagi sistem pertahanan pelabuhan berkenaan.

4.3.2 Floating Defences Dan Sistem Pertahanan Periuk Api

Bermula pada pertengahan tahun 1880-an, sistem pertahanan Pulau Singapura mula menunjukkan satu perubahan yang lebih dramatik. Pertahanan lautnya yang bertujuan untuk melindungi New Harbour menjadi lebih mantap dengan perlaksanaan sistem pertahanan periuk api. Sistem pertahanan ini bersama-sama dengan sebuah *iron clad* yang juga dikenali sebagai *floating battery*, mampu memikul tugas mengawasi dan melindungi perairan Pulau Singapura dan wilayahnya.

Pihak *Lord Commissioners Admiralty* telah berminat untuk menempatkan *floating battery* atau bot-bot torpedo di Singapura. Sementara itu, *Naval Commander in Chief on the China Station* pula telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan melindungi perdagangan British di stesen-stesen yang terletak di bawah pengawasannya. Pihaknya turut bersedia menghulurkan segala keperluan kepada pihak pertahanan di tanah jajahan British dalam hal-hal berkenaan *local defence of Ports*. Tambahan lagi keselamatan Pulau Singapura merupakan tanggungjawab *Naval Commander in Chief on the China Station*. Beliau harus memastikan aktiviti perdagangan di pulau ini tidak terjejas atau diganggu-gugat oleh

musuh.⁵⁵

Pada bulan April 1885, *Lord Commissioners of the Admiralty* telah mengambil keputusan untuk menghantar sebuah *iron clad* ke Negeri-Negeri Selat. Tujuan utamanya adalah sebagai pertahanan laut Singapura. Kapal bersenjata tersebut akan meninggalkan Mediterranean dalam masa yang singkat untuk menuju dan berkhidmat di koloni ini. Ia diletakkan di bawah pengawasan *Commander in Chief on the China Station*. Sementara itu, perkara berkenaan bot-bot torpedo atau *floating battery* bagi pertahanan koloni masih lagi dipertimbangkan.⁵⁶

Perbincangan mengenai penubuhan pasukan pertahanan periuk api mula mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang terlibat dalam skim pertahanan Singapura semenjak tahun 1870-an lagi. Namun sehingga akhir tahun 1881 barulah rancangan ini menjadi kenyataan. Ia berperanan sebagai pertahanan di sebahagian kawasan pelabuhan, khususnya di sekitar depot-depot arang batu, dermaga dan limbungan. Sistem pertahanan ini tidak dilaksanakan di kawasan *roadstead* yang mana aktiviti perdagangan tempatan banyak dijalankan.⁵⁷

Sistem pertahanan periuk api boleh dikatakan sebagai satu bentuk pertahanan yang baru bagi Negeri-Negeri Selat. Ia menyahut harapan pihak Imperial untuk menjadikan Pulau Singapura sebagai sebuah *state of defence*.⁵⁸ Kerajaan Imperial telah membuat keputusan untuk

menubuhkan satu kor pertahanan periuk api. Ia dilihat sebagai satu bentuk pertahanan yang penting bagi Singapura.⁵⁹ Penubuhan kor pertahanan periuk api harus dilaksanakan dengan segera. Ini kerana sehingga tahun 1884, tiada bentuk pertahanan yang difikirkan paling efektif selain daripada senjata periuk api untuk menjamin keselamatan Pelabuhan Singapura terutama sewaktu perang.⁶⁰

Pada 16hb. November 1884, Pejabat Perang telah menghantar surat kepada pihak *Treasury* berkenaan perkara penubuhan sebuah kor pertahanan periuk api. Penubuhannya adalah untuk memantapkan pertahanan Hong Kong, Singapura, Trincomalee (Ceylon) dan Mauritius.⁶¹ Kesukaran yang berbangkit di sini adalah untuk mengadakan anggota pasukan periuk api yang boleh ditempatkan di pelabuhan-pelabuhan berkenaan. Setelah dikaji dari aspek pertahanan dan kewangan, pihak pertahanan bersetuju untuk membentuk empat *companies of Malays* yang diletakkan di bawah pengawasan pegawai-pegawai berbangsa Eropah.⁶²

Singapura harus menampung $\frac{1}{4}$ daripada keseluruhan jumlah kos sistem pertahanan periuk api di samping membina berek-berek bagi anggota pasukan tersebut.⁶³ Penubuhan pasukan ini tidak hanya sebagai pertahanan koloni tetapi lebih memenuhi keperluan Imperial. Ini disebabkan peranannya sebagai sebahagian daripada pertahanan stesen-

stesen arang batu British.⁶⁴ Singapura telah dipilih sebagai ibu pejabat bagi pasukan pertahanan berkenaan.⁶⁵

Para pegawai berbangsa Eropah akan menerima gaji mengikut tangga gaji British. Sementara gaji anggota *Natives* (Melayu) ditetapkan mengikut kadar upah di pasaran buruh *native*.⁶⁶ Anggota pasukan pertahanan periuk api itu akan terdiri daripada :-

- 12 European Officers
- 1 Warrant European Officer
- 130 European Non-Commissioned Officers
- 12 Native Officers
- 240 Native Non-Commissioned Officers
- (4) Companies

Sumber : CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Ogos 1885, desp. War, ff. 632-640.

Pihak Imperial memahami kepentingan penubuhan kor pertahanan periuk api dan bersedia mengadakan anggota untuk mengendalikannya. Singapura juga dijadikan pusat melatih pasukan *native force*. Dengan itu, Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura telah diarahkan agar membina berek-berek bagi menempatkan pasukan ini di Pulau Brani.⁶⁷ Anggota-anggota pasukan berkenaan akan terdiri daripada:-

Royal Engineers
Berbangsa Eropah

- 1 Serjeant-Major
- 1 Quarter Master Serjeant
- 1 Serjeant Engineer Clerk

2 Companies Serjeant Majors
4 Serjeants
8 Corporals

Berbangsa Melayu

2 Company Serjeant Majors
6 Serjeants
16 Corporals
96 Sappers

Sumber: CO 273/173 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Jan. 1885, desp. War, ff. 577-582.

- Sehingga bulan Disember 1885, pasukan pertahanan periuk api yang telah ditubuhkan di Singapura adalah seramai 56 orang.⁶⁸ Berek-berek perlu dibina untuk menempatkan anggota-anggota pasukan ini.

Mereka terdiri daripada :-

1	Serjeant Major
1	Quarter Master Serjeant *
1	Serjeant Engineer Clerk
1	Company Serjeant Major Royal Engineer *
12	Non-Commissioned Officers *
7	Malay Non-Commissioned Officers *
33	Malay Sappers
Jumlah	56 orang

* *Staff* diperlukan untuk pertahanan Singapura sahaja. Maka, kos pembiayaannya ditanggung oleh Koloni Negeri-Negeri Selat.

Sumber: CO 273/173 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 10 Dis. 1885, desp. War, ff. 661-667.

Kerja-kerja pemasangan periuk api boleh dilakukan setelah Kerajaan Imperial membuat pengumuman perang.⁶⁹ Namun begitu, sehingga tahun 1888, Pejabat Perang telah mengumumkan kerja-kerja latihan pasukan pertahanan periuk api tidak memerlukan senjata periuk api yang berisi dengan bahan letupan.⁷⁰

Anggota pertahanan periuk api dikehendaki mengadakan latihan memasang senjata periuk api di lokasi-lokasi tertentu bagi mendapatkan pengalaman atau membiasakan diri dengan sistem pertahanan tersebut. Ia secara tidak langsung menguji organisasi laluan kapal di lokasi berkenaan sewaktu peperangan.⁷¹

Dalam latihan menguji organisasi laluan kapal memasuki Pelabuhan Singapura, pegawai-pegawai khas ditugaskan untuk mengawasi kerja-kerja berkenaan. Pelan-pelan operasi turut disusun supaya kemusnahan ke atas kapal-kapal yang disebabkan oleh kemungkinan sauh-sauh kapal, *paddles* dan lain-lain melanggar periuk api dapat dielakkan.⁷²


Pada tahun 1885, berikutan kebimbangan peperangan dengan Rusia, beberapa kerja pemasangan periuk api mula dipraktikkan. Pihak koloni Negeri-Negeri Selat telah menyerahkan kos pendahuluan bagi pembiayaan kerja-kerja tersebut dan menuntutnya kembali daripada Kerajaan Imperial. Dalam waktu yang sama juga, berek-berek telah dibina di Singapura bagi menempatkan satu pasukan pertahanan periuk api

Eastern Battalion. Pihak koloni telah menampung $\frac{1}{3}$ daripada kos tersebut dan Pejabat Perang membiayai bakinya.⁷³ Di samping itu, satu pasukan daripada *Royal Engineer* telah dihantar ke Singapura untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja pertahanan dan sistem pertahanan periuk api. Mereka terdiri daripada lima orang pegawai, seorang pegawai waran dan 18 orang pegawai *Non-Commissioned*.⁷⁴

Pada awal tahun 1895, satu rancangan pemasangan sistem pertahanan periuk api di jalan masuk sebelah kiri dan kanan pelabuhan telah diusulkan. Ia telah disesuaikan dengan rancangan pertahanan yang telah dirangka sebelum tahun tersebut. Bagi jalan masuk sebelah kiri, pemasangan sistem pertahanan periuk api adalah menganjur dari Tanjong Pagar Spit ke Selinsing Point pada kedalaman 400 ela. Senjata periuk api turut sama ditempatkan di kawasan *friendly channel*. Laluan ini mempunyai kelebaran 200 ela iaitu di antara Timbaga Rock dan Pulau Singapura. Selat Sinki akan ditutup dengan halangan konkrit (*permanent obstructions*) di kedua-dua belah pinggirnya dan mewujudkan satu laluan yang sempit. Laluan ini akan dihalangi dengan senjata periuk api.⁷⁵


Kawasan pertahanan periuk api tersebut akan bergantung kepada tembakan dari Teregeh Battery. Kerja pertahanan berkenaan dilengkapi dengan dua laras meriam 64 pounder dan 45 orang tentera infantri. Ia turut dibantu oleh pasukan pertahanan di Malay Spit dan

Peta 4.2 Lokasi pemasangan sistem pertahanan periuk api dan *Friendly Channels* (Dilukis semula)



Sumber : CO 537/48 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 18
Jan. 1895, desp. Sec., ff. 181-186.

Peta 4.3 Siloso Battery dan sistem pertahanan periuk api. (Diliukis semula)



Sumber : CO 537/48 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 30 Jan. 1896, desp. Secret, ff. 215-220.

Berala Point. Di samping itu, satu *boom* perlu diletakkan melintasi Selat Sinki dari Teregeh. Kawasan ini juga akan diawasi dengan lima buah bot pengawal pantai.⁷⁶

Kawasan laluan di jalan masuk ke sebelah barat pelabuhan dilindungi dengan rantaian periuk api yang menganjur dari Pasir Panjang ke Siloso pada kedalaman 400 ela. Laluan ini hanya dibuka kepada kapal-kapal British dan *friendly ships* mereka.⁷⁷ Di samping itu, kawasan berkenaan juga akan bergantung kepada kerja pertahanan di Pasir Panjang serta dibantu oleh pasukan infantri dan tiga buah bot pengawal pantai.⁷⁸

Secara ringkasnya, lapan buah bot pengawal pantai diperlukan bagi memantapkan pertahanan di kedua-dua kawasan pemasangan periuk api. Ia akan dikendalikan oleh *a half company of Infantry* yang bersedia melancarkan serangan. Anggota pertahanan tersebut akan ditempatkan di berek-berek pasukan pertahanan periuk api *Royal Engineers'* di Pulau Brani.⁷⁹

Perkara berkenaan pertahanan Singapura termasuk sistem pertahanan periuk api dan soal-soal pemilikan tanah untuk pertahanan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan perlaksanaan kerja-kerja tersebut dapat berjalan dengan lancar. Perkara ini penting kerana ia melibatkan keselamatan dan perbelanjaan yang besar dalam kewangan Imperial dan Negeri-Negeri Selat.

4.3.3 Tanah Untuk Kegunaan Pertahanan

Pemilikan tanah di kawasan-kawasan strategik di Pulau Singapura dan wilayahnya amat penting dalam melaksanakan kerja-kerja pertahanan. Pihak pertahanan Singapura harus mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan kawasan berkenaan bebas daripada pemilikan individu. Pada pertengahan tahun 1888, satu arahan telah dikeluarkan oleh Pejabat Perang berkenaan puncak Pearl's Hill. Ia tidak boleh disewa atau dipajakkan kepada individu atau pihak lain. Ini kerana tapak tersebut difikirkan penting dalam kaitannya dengan pertahanan darat di Singapura.⁸⁰

Pengambilan tanah untuk tujuan pertahanan telah menjadi satu perkara penting pada tahun 1890-an. Pihak koloni telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan kawasan yang diperlukan bagi pembinaan dan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan. Dalam hal ini, Kerajaan Koloni Negeri-Negeri Selat tidak boleh berbuat apa-apa terhadap permintaan yang diusulkan oleh pihak pertahanan.⁸¹

Gabenor Cecil C. Smith telah menggesa agar tanggungjawab tersebut dihadkan kepada tanah kerajaan sahaja yang terletak di bawah penguasaan pihak pertahanan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat tanah selain daripada tanah kerajaan yang dirasakan perlu untuk tujuan pertahanan, Jabatan Perang masih boleh memperolehinya. Namun

demikian, perbelanjaannya akan dimasukkan ke dalam Perbendaharaan Kolonial.⁸²

Pada bulan Mac 1891, Pejabat Perang dan Pejabat Kolonial telah membincangkan beberapa perkara berkaitan pengambilan tanah di Mount Wallich untuk kegunaan pertahanan. Setiausaha Pejabat Perang mendapati mereka harus merezabkan kawasan Mount Wallich ini untuk tujuan lokasi *Position Finding Station*. Peranannya adalah untuk membantu kerja-kerja pertahanan di Fort Palmer.⁸³

Kawasan berkenaan merupakan tanah milik sebuah syarikat hartanah. Ia telah dibeli untuk reklamasi dan meratakan sebagai tapak pembinaan bangunan. Pegawai pentadbiran Negeri-Negeri Selat telah diarahkan supaya membuat penilaian ke atas tanah tersebut. Beliau dibantu oleh *General Officer Commanding* untuk menguruskan soal pembelian tapak berkenaan. Keluasannya adalah kira-kira 50 ela persegi. Mengikut anggaran yang dibuat oleh jurutera Kolonial dan Pemungut Hasil Tanah nilainya adalah kira-kira \$64,000. Sebanyak \$20,000 lagi diperlukan sebagai bayaran pampasan ke atas pemilikan tanah tersebut. Tindakan ini perlu disegerakan kerana Syarikat Mount Wallich sedang menjalankan kerja meratakan bukit berkenaan bagi tujuan pembinaan jalan.⁸⁴


Selain daripada Mount Wallich, kawasan di Labrador Villa

yang juga merupakan merupakan tanah milik persendirian didapati sesuai sebagai lokasi *Position Finding Station*.⁸⁵ Namun begitu, pada bulan Januari 1896, Setiausaha Chamberlain merasakan tapak di Labrador Villa masih belum perlu diperolehi untuk tujuan pertahanan, terutamanya pada waktu aman. Tiga bulan kemudian, satu arahan telah dikeluarkan oleh Pejabat Perang agar hak pemilikan ke atas tanah di sekitar kawasan berkenaan diperolehi. Ini disebabkan terdapat kemungkinan pembangunan akan didirikan di atas tapak tersebut.⁸⁶

Lain-lain tapak bagi tujuan berkenaan adalah di tiga lokasi di Pulau Blakang Mati dan satu di Fort Canning. Walaupun tapak-tapak tersebut tidak diletakkan di bawah penyelenggaraan Jabatan Perang, namun pihak koloni mempunyai kuasa untuk merezabkannya sebagai lokasi *Position Finding Station*. Lokasi-lokasi itu sangat sesuai untuk menempatkan senjata bagi tujuan pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya.⁸⁷

Pada tahun 1894, keseluruhan Pulau Blakang Mati termasuk Pulau Silusi di Teluk Imbeah telah diletakkan di bawah pengawasan pentadbiran tentera. Pulau Blakang Mati menjadi sebuah pulau yang dilindungi dengan beberapa buah perkubuan, berek-berek tentera dan penempatan *Position Finding Station*. Malah keseluruhan pulau ini telah diserahkan kepada Jabatan Perang untuk dijadikan markas tentera.⁸⁸

Peta 4.4 Pulau Blakang Mati (Dilukis semula)




Sumber : CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Mac 1894, desp. War, ff. 487-503.

Setiausaha Pejabat Perang turut sama berminat untuk memperolehi Pulau Hantu dan Berdaun Rock sebagai sebahagian daripada perlaksanaan kerja-kerja pertahanan.⁸⁹ Walaupun Pulau Hantu telah diserahkan kepada *New Harbour Dock Company* tetapi Kerajaan Kolonial masih mempunyai kuasa untuk membina kerja-kerja pertahanan.⁹⁰ Beliau juga telah meminta pelan-pelan tanah di Mount Faber yang diperlukan untuk pembinaan *battery* dan depot senjata bagi kegunaan Pejabat Perang. Satu arahan telah dikeluarkan agar kawasan seluas 100 ela di setiap sudut di sekeliling depot tersebut dikosongkan daripada sebarang pembinaan bangunan.⁹¹

Sementara itu, Pulau Brani akan diletakkan di bawah kerja-kerja ketenteraan. Pulau ini akan dibangunkan dengan bangunan-bangunan tentera yang dikendalikan oleh Jabatan Perang, kecuali tanah bagi "Bon Accord Dock" dan "Naval Coal Stores". Pulau Brani juga sangat sesuai untuk dijadikan tempat rekreasi tentera terutamanya bagi tentera berbangsa Eropah.⁹²

Apabila kawasan bagi tapak kerja pertahanan dan tanah-tanah kerajaan yang dirasakan tidak lagi penting kepada pihak pertahanan, maka ia akan diserahkan kembali kepada Kerajaan Kolonial. Pada akhir tahun 1900, pihak pertahanan telah menyerahkan kawasan yang sedang didudukinya di Fort Canning dan Pearl's Hill kepada Kerajaan

Peta 4.5 Pulau Brani (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Mac 1894, desp. War, ff. 487-503.

Kolonial. Sementara pihak koloni perlu menyediakan kawasan atau tapak tertentu untuk ditukarkan dengan kawasan lain yang lebih sesuai untuk tujuan pertahanan.⁹³ Tapak atau kawasan yang difikirkan sesuai itu terletak di sebelah barat susur bukit Mount Faber. Ia memerlukan pembinaan jalan baru. Jalan tersebut kelak boleh ditemukan dengan Jalan Tanglin di persimpangannya dengan Jalan Alexandra dan menganjur ke Jalan Pasir Panjang.

Pada awal tahun 1905, tanah-tanah untuk kerja pertahanan yang dimiliki oleh Kerajaan Kolonial dan terletak di bawah peruntukan tujuan pertahanan telah membolehkan pihak pertahanan mempunyai hak untuk memiliki tanah atau tapak tersebut. Kawasan yang diperlukan adalah bagi *Military Rifle Range* terletak di Jalan Air Rajah dan di kawasan-kawasan tertentu dalam daerah Pasir Panjang. Ia akan digunakan untuk tentera.⁹⁴ Pihak *General Officer Commanding* dan Gabenor tidak membuat sebarang bantahan ke atas perkara tersebut. Tanah tersebut boleh dipindahkan tanpa dijelaskan sebarang pampasan. Pihak pertahanan juga tidak mempunyai sebarang bantahan ke atas tanah di Pulau Blakang Mati untuk diserahkan kepada pihak *Admiralty* untuk pembinaan depot.

Secara ringkasnya, pemilikan kawasan yang strategik di Pulau Singapura dan wilayahnya oleh pihak pertahanan sangat penting dalam menjamin keselamatan kepentingan Inggeris dan pulau tersebut. Dengan

pemilikan berkenaan, kerja-kerja pertahanan dapat disusun dan dilaksanakan secara lebih efektif lagi. Ini bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap kelancaran tembakan meriam atau operasi melindungi Singapura oleh pasukan pertahanan.

4.4 Anggota Pertahanan Singapura

Penghantaran tentera ke Singapura merupakan suatu perkara penting bagi meningkatkan kekuatan pertahanan Imperial. Langkah ini penting berikutan peningkatan dalam kerja-kerja pertahanan. Pertambahan dalam perlaksanaan kerja pertahanan sangat berkait rapat dengan kepentingan koloni Negeri-Negeri Selat khususnya Singapura dalam konteks perancangan Imperial. Ini kerana pembangunan dan pertambahan perdagangan di pulau itu sentiasa berkembang serta meningkatkan pulangan yang lumayan atau keuntungan kepada pendapatan kedua-dua pihak Imperial dan Kolonial.

Pada tahun 1885, Pejabat Perang telah bersetuju untuk menggerakkan tentera dari tanah-tanah jajahan British yang lain ke Singapura. Anggota pertahanan berkenaan terdiri daripada *700 Rank and File of the 1st Battalion East Kent Regiment* dari Malta dan kira-kira *150 Rank and File* dari Hong Kong. Ia bertujuan untuk membantu meningkatkan bilangan anggota tentera Imperial di pulau berkenaan.⁹⁵

Pengeluaran anggota-anggota tentera dari lain-lain koloni dan pemuatan anggota pertahanan ini ke Singapura, secara tidak langsung menggambarkan keutamaan yang diberi dan kepentingan Singapura kepada pihak Imperial. Sesungguhnya peranan pulau ini sebagai stesen arang batu dan pusat komersial utama British di Timur memang tidak dapat disangkal dan justeru itu perlu dipertahankan lebih jitu.

Pada tahun tersebut juga, Kerajaan Imperial bersedia untuk menanggung perbelanjaan bagi kemudahan dan penginapan tentera di Singapura yang memikul tugas *Imperial purposes*. Mereka bersedia membiayai serta menyediakan kemudahan dan penginapan tambahan bagi *detachment of Royal Engineer* dan pasukan pertahanan periuk api di Pulau Brani.⁹⁶ Kawasan berkenaan akan diperiksa oleh pegawai yang bertanggunjawab bagi memastikan ia sihat untuk didiami oleh anggota pertahanan.⁹⁷ *Quarters* juga disediakan bagi 15 orang tentera laskar Sikh di Fort Canning. Sebuah banglo dan kemudahan tentera turut dibina di Tanglin bagi pasukan *battery of Artillery*.

4.4.1 Komposisi Tentera Mengendalikan Kerja-kerja Pertahanan Pulau Singapura Dan Wilayahnya

Peningkatan garisen di Singapura sentiasa mendapat tempat dalam rancangan pertahanan Imperial. Pergerakan tentera-tentera Imperial

dari pos-pos British yang lain menjadikan faktor garisen Singapura adalah perkara yang penting untuk memahami kepentingan peranan pertahanan Imperial di pulau tersebut. Pertambahan garisen didapati dapat meningkatkan keupayaan pertahanan dan kecekapan mengendalikan senjata. Sehingga bulan Jun 1886, garisen bagi pasukan Imperial terdiri daripada *Royal Artillery* dan *Royal Engineers* yang mengendalikan sistem pertahanan periuk api. Mereka juga dibantu oleh anggota-anggota infantri.

Corps	Strength (June 1886)		
	Officers	NCO and Men	Total
Royal Artillery	8	229	237
Royal Engineers (submarine miners)	2	10	12
Infantry (6 Co. East Kent Regiment)	22	617	693
Details		3	3
Total	32	913	945

Sumber: CO 537/46 : Admiralty kepada Pejabat Kolonial, 25 Nov. 1887, desp. 227, ff. 199-227.

Pada tahun 1887, terdapat seramai 11 orang pegawai dan 1230 *men* yang terdiri daripada pasukan artileri dan infantri di Singapura. Anggota tentera ini akan ditempatkan di kubu-kubu pertahanan yang dibina di pulau tersebut.⁹⁸ Mereka terdiri daripada :-

	Officers	Men
Royal Artillery	11	230
Local Artillery		118
Local Infantry		882
Total	11	1230

Sumber: CO 273/145 : F. Weld kepada Pejabat Kolonial, 9 Jul. 1887,
desp. Conf., ff. 516-520.

Sementara pada tahun 1888, Setiausaha Pejabat Perang telah memutuskan supaya anggota daripada batalion infantri di Singapura dikekalkan seramai 1,013 orang untuk persediaan menghadapi peperangan. Seramai kira-kira 100 orang tentera infantri dengan satu pasukan artileri *battery* telah ditempatkan di Fort Canning.⁹⁹ Di samping itu, skim pembinaan berek di Pulau Blakang pula perlu diteliti bagi memastikan ia sesuai dan sihat untuk petempatan tentera. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh *Royal Engineers* dan Jabatan Perubatan Tentera. Sementara tujuh companies of Infantry yang berjumlah seramai 913 of all ranks.¹⁰⁰

Pada tahun 1889, pasukan pertahanan telah dicadangkan bagi garisen Negeri-Negeri Selat daripada peringkat pegawai hingga ke *men*. Mereka terlibat dalam pelbagai jabatan dalam pertahanan. (Lihat jadual 4.16)

Jadual 4.16 Cadangan anggota yang terlibat dalam pertahanan atau garisen dari peringkat *officers* hingga ke *men* pada tahun 1889.

Officers		Warrant Officer, Non-Commissioned Officers and Men	All Ranks
Royal Art., 2 batteries	10	232	
Royal Art., Staff & co.	3	3	248
Royal Eng., Off. & Staff	6	3	
Royal Eng., 1/2 Fort. Co.		46	88
Royal Eng., Eastern Battalion		33	
Inf. of line, 1 Battalion	28	985	1,013
General Staff	2	2	4
Ordnance Artificers		2	2
Gymnastic Instructor		1	1
Army Schoolmaster		1	1
Medical Staff Corps	4	14	18
Pay Department	2	1	3
Commissariat & Transport Corps	3		3
Ordnance Store Corps	1	3	4
Total Europeans	59	1,326	1,385
Local Artillery	2	101	
Native Gun Lascars Engineers, S/M Mining	3	17 47	170

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1889, desp. War, ff. 774-839.

Di bawah ini ditunjukkan kedudukan atau komposisi anggota tentera yang terlibat dalam pertahanan Pulau Singapura dan wilayahnya sehingga tahun 1888. (Lihat halaman yang berikut)

Establishment of a battery of Artillery

1 Captain
1 Second Captain
2 Subalterns
1 Battery Serjeant-Major
4 Serjeants
2 Drummers
4 Corporals
3 Bombardiers
85 Gunners

Royal Engineers

1 Officer
2 Non-Commissioned
4 Sappers

Establishment of a Battalion of Infantry

1 Lieutenant-Colonel	6 Ensigns
2 Majors	1 Adjutan
8 Captains	1 Paymaster
10 Lieutenants	1 Quartermaster
	1 Serjeant-Major
	1 Quartermaster-Serjeant
	1 Bandmaster
	1 Drum-Major
	1 Paymaster-Serjeant
	1 Armour-Serjeant
	1 Hospital-Serjeant
	1 Orderly-Room Clerk
	8 Colour-Serjeants
	1 Serjeant Cook
	1 Instructor in Musketry
32 Serjeants	
16 Drummers	
820 Rank and File	

General Staff

1 Commandant
1 Fort Adjutant

Medical Staff

1 Surgeon
2 Assistant Surgeons

Control Staff

1 Assistant Controller
1 Deputy Commissary
1 Assistant Commissary
1 Deputy Paymaster

Sumber : CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.

Pembinaan berek bagi *Royal Engineers* di Pulau Brani yang mengadap ke New Harbour telah diputuskan pada tahun 1895, manakala kerja-kerja pembinaan berek bagi pasukan *Royal Artillery* di Pulau Blakang Mati pula telah berjalan dengan lancar. Sementara itu, keputusan pembinaan berek tambahan di Tanglin turut diputuskan dalam tahun tersebut juga.¹⁰¹ Pada tahun berikutnya, berek kediaman *Royal Engineers* bagi pegawai dan *men* di Pulau Brani telah siap sepenuhnya dengan kos sebanyak \$64,000. Sementara di Pulau Blakang Mati pula, berek kelamin dan bujang bagi pasukan *Royal Artillery and Mess* serta *quarters* bagi para

pegawai kesihatan telah siap dibina pada akhir tahun tersebut.¹⁰² Pada tahun 1897, beberapa pembinaan berek-berek baru telah dimulakan. Di Tanglin pula, pembinaan dua blok bangunan yang menyediakan 20 buah *quarters* kelamin telah dimulakan. Sementara beberapa buah *quarters* kelamin bagi dua orang pegawai waran dan *staff sergeants* telah disediakan.¹⁰³

Pasukan pertahanan Singapura ini diletakkan di bawah *General Officer Commanding* dan para pegawainya. Pada awal tahun 1890-an, ibu pejabat atau *Head Quarters* bagi pasukan pertahanan ditubuhkan di Teluk Blangah, iaitu berhampiran dengan kaki Mount Faber. Kedudukan ini terletak berdekatan dengan Peninsular and Oriental Company Wharf. *General Officer Commanding and Head Quarters Staff* pula akan ditempatkan di kawasan *old redoubt* di Teluk Blangah ataupun di sebuah rumah kediaman yang boleh digunakan untuk tujuan *Officer Commanding Army Service Corps*.¹⁰⁴

Kebanyakan kerja pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya diletakkan di bawah pengawasan *Royal Artillery* dan *Royal Engineers*. Pengawasan kedua-dua Pegawai Staf ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu *Eastern District* (daerah timur) dan *Western District* (daerah barat). Kerja-kerja pertahanan yang termasuk dalam *Eastern District* terdiri daripada kubu-kubu pertahanan di Tanjong Katong, Mount Palmer, Fort

Canning, Mount Serapong, Berala Point dan Fullerton Battery. Kerja-kerja pertahanan di Fort Connaught, Siloso, Pasir Panjang dan Belayar Point pula termasuk dalam *Western District*.¹⁰⁵

Secara kasarnya, pengawasan yang dijalankan oleh pasukan pertahanan Singapura adalah seperti berikut:-

1. Mount Faber, Alexander Position dan satu pasukan di hadapan *Docks*.
2. Pasir Panjang dan Belayar Point serta Siloso oleh pasukan artileri *Western Defences*.
3. Connaught pula diawasi oleh pasukan artileri *Eastern* dan *Western Defences*.
4. Serapong, Teregeh, Mount Palmer, Tanjong Pagar Spit, Fort Canning dan Tanjong Katong dilindungi oleh pasukan artileri dari *Eastern Defences*.

Sehingga tahun 1891, anggota pertahanan yang bersedia untuk memikul tugas menghadapi serangan dan pencerobohan pihak musuh adalah seramai 100 orang tentera berbangsa Eropah dan 114 lagi berbangsa Sikhs. Daripada jumlah tersebut, 50 orang tentera yang terdiri daripada 25 orang berbangsa Eropah dan 25 orang berbangsa Sikhs digerakkan untuk mempertahankan Pasir Panjang serta melindungi pencerobohan di Labrador Heights. Di samping itu, terdapat seramai 164 orang tentera ditugaskan untuk melindungi Jalan Alexandra.¹⁰⁶

Setiap kubu pertahanan mempunyai seorang pengawai yang berkuasa mengendalikan kerja pertahanan. Misalnya, tugas pegawai eksekutif artileri bagi *Western Defences* diletakkan bersama dengan *Company Major, R.A.* yang ditempatkan di Siloso. Beliau juga merupakan pegawai pemerintah bagi kubu pertahanan di Fort Siloso dan dibantu oleh seorang *Lieutenant R.A.*. Bagi *Eastern Defences*, ketua eksekutif terletak pada kuasa *Lieutenant Colonel, R.A.* yang beribu pejabat di Fort Serapong bersama-sama dengan ibu pejabat pasukan *Royal Artillery. Royal Engineers* ditugaskan di kawasan *electric light* dan sistem pertahanan periuk api di Siloso dan Teregeh.¹⁰⁷

Pasukan infantri di Singapura pula dibahagikan kepada beberapa tugas dan kawasan. Misalnya, bagi *Western Defences* terdiri daripada tiga *companies*. *Eastern Defences No. 1* pula dianggotai oleh satu *company* infantri, manakala bagi *Eastern Defences No. 2* dan *Northern Defences* masing-masing diperkuatkan dengan dua *companies* infantri.¹⁰⁸

Master Gunner ditempatkan di setiap seksyen pertahanan tersebut. Apabila kerja pengendalian pertahanan dijalankan, *Master Gunners* akan ditempatkan di kubu-kubu pertahanan seperti di Pasir Panjang, Connaught dan Tanjong Katong. *Garrison Gunner* pula akan ditempatkan secara sementara di Fort Siloso, Serapong dan Teregeh untuk mewakili *Master Gunners*.¹⁰⁹ Penempatan anggota-anggota pertahanan ini

boleh dilihat dalam jadual yang berikutnya.

Jadual 4.17 Kedudukan anggota-anggota tentera di kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura.

Forts	Staff	Majors	Captains	Lieutenants	Total
P.Panjang & Belayar Point				2	2 +
Siloso & Blakang Mati Redoubt		1		1	2 +
Connaught			1	1	2 ++
Serapong & Beralia Point *	2			1	3 ++
Teregeh *				1	1 ++
Palmer & Tg. Pagar Spit	1	1		1	3 ++
Canning & Tg. Katong			1		1 ++

* disatukan apabila waktu kecemasan

+ 4 western defences

++ 10 eastern defences

Sumber : CO 537/47 : Maxwell kepada Pejabat Kolonial, 28 Nov. 1893, desp. Conf., ff. 544-595.

Kedudukan dan komposisi anggota pertahanan atau garisen Pulau Singapura sentiasa dikaji dari masa ke masa. Komposisi garisen sentiasa berubah bagi menjadikannya dalam keadaan mantap dan efisien. Dari tahun 1900 sehingga 1903, garisen yang terdapat di Pulau Singapura terdiri daripada :-

- 1 battalion of Infantry
- 2 garrison companies of Royal Artillery
- 1/2 company of Royal Engineers
- Singapore company Royal Artillery (Asiatics)
- Singapore company Royal Engineers
- several Departments of Army

Pada tahun 1904 pula anggota pertahanan di Singapura terdiri daripada :-

- 1 battalion Infantry
- 1 battalion Madras Infantry
- 2 companies of Royal Garrison Artillery
- 1 co. Hong Kong-Singapore battalion Royal Garrison Artillery
- $\frac{1}{2}$ co. of Royal Engineers
- Singapore (Submarine Mining) co. Royal Engineers
- several Departments of Army

Sumber : **Singapore and Straits Directory**, 1904, hal. 35.

Jumlah anggota garisen pada tahun tersebut seramai 2,500 *all ranks*.¹¹⁰

Pada 1906 pula kedudukan garisen Singapura telah mengalami sedikit perubahan.¹¹¹ Garisen pulau tersebut terdiri daripada :-

- 2 companies of Royal Garrison Artillery
- $\frac{1}{2}$ company of Royal Engineers
- 1 battalion of British Infantry
- 1 battalion of Native Infantry
- Asiatics Artillery (Sikhs)
- Malay Submarine Miner Corps
- and other corps

Sumber : **Singapore and Straits Directory**, 1906, hal. 36.

Kesimpulannya, anggota pertahanan atau garisen bagi Singapura ini sentiasa berubah atau diubah selaras dengan perkembangan "pulau pelabuhan" dan tahap pertahanan yang diperlukannya. Kehadiran anggota-anggota berkenaan yang dibawah kelolaan Imperial sangat penting dalam menjamin keselamatan pulau ini. Sungguhpun demikian, bantuan tambahan atau peranan anggota sukarela yang lebih dikenali sebagai *Volunteers* yang dibiayai oleh koloni di Singapura juga tidak boleh diketepikan. Peranan utama mereka pada peringkat awalnya adalah untuk menjamin keselamatan dalam negeri. Lama-kelamaan tugas mereka menjadi semakin penting. Mereka mula dipandang sebagai sebahagian daripada anggota pertahanan bagi Pulau Singapura walaupun aktiviti pasukan *Volunteer* tidak jelas pada tahap sebelum ini. Pada bulan Februari 1888, *Singapore Volunteer Corps* telah didaftarkan oleh pentadbiran Negeri-Negeri Selat. Ia merupakan tambahan kepada pasukan *Royal Artillery* dan menjadi sebahagian daripada pertahanan tetap Singapura.¹¹² Mereka menjalani latihan sebagaimana anggota artileri yang lain.

Satu persetujuan telah dicapai mengenai penubuhan *Corps of Artillery Volunteer* di Singapura. Satu keputusan telah dibuat untuk mencadangkan agar Pejabat Perang meminda Ordinan No. XV, tahun 1869 iaitu berkenaan dengan *Articles of War* dengan *Army Act*. Akta ini memberikan kuasa kepada Gabenor untuk mengeluarkan arahan atau

perintah kepada kor berkenaan untuk bertugas dalam waktu peperangan dan juga di waktu kecemasan.¹¹³ Gabenor juga telah diberikan kuasa untuk mengatur jumlah senjata bagi kegunaan pasukan tersebut.¹¹⁴ Cadangan pindaan ini berkaitan dengan isu *National Defence Bill* yang dibentangkan di Parlimen. Ini bagi membolehkan *Volunteers* diarahkan bertugas dalam *great national emergency* dan tidak sahaja terbatas dalam situasi menghadapi serangan ke atas koloni.¹¹⁵

Pasukan *Singapore Volunteer Artillery* ini akan berlatih dengan menggunakan senjata di bawah pengawasan *Royal Artillery*. Sebarang stor yang diperlukan sebagai tambahan latihan pasukan ini akan dibiayai oleh koloni berdasarkan kepada saranan yang diusulkan oleh *Committee on Colonial Military Contributions*. Sementara perkara berkenaan senjata dan ubat bedil untuk latihan, masih dihadkan kepada pasukan *Artillery Volunteers* di stesen-stesen arang batu sahaja. Latihan ini tertakluk kepada keputusan khas yang dibuat oleh pihak *Treasury*.¹¹⁶

Menurut Major General C. Warren, pegawai pemerintah tentera di Negeri-Negeri Selat dan pegawai pemerintah *Royal Artillery* bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan latihan dan senjata bagi pasukan *Volunteers*. Namun begitu, dalam surat Gabenor kepada Pejabat Kolonial bertarikh 9hb. Mac 1891 pula menyatakan bahawa pasukan *Volunteers* diletakkan di bawah Gabenor dan tidak lagi di bawah pegawai

pemerintah tentera. Ia bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya campur tangan pihak pertahanan dalam pasukan berkenaan. Jika tidak, ia menjadi gangguan ke atas perancangan yang dibuat untuk mengekalkan pasukan tersebut sama ada dari segi jumlah atau kecekapan mereka sebagai pasukan pembantu kepada tentera Imperial di Singapura.¹¹⁷

Pada tahun 1897, Kerajaan Negeri-Negeri Selat bersetuju dengan perubahan dalam tugas-tugas pasukan *Singapura Volunteer Corps* dan kerja-kerja mengendalikan senjata berat yang diusulkan oleh *Colonial Defence Committee*. Pasukan tersebut mengambil alih kerja-kerja mengendalikan enam laras *screw guns* berukuran 2.5 inci dan enam laras 9 pr m.d. *guns* di Singapura. Di samping itu, mereka terus mengekalkan kerja-kerja pengendalian 45 inch *maxims*. Pasukan ini juga bekerjasama dengan anggota pertahanan infantri.¹¹⁸

Pada tahun 1904, pasukan *Singapore Volunteer Artillery* telah dilengkapi dengan enam laras 10 pr B.L. *jointed guns* dan empat laras .303 *maxims* serta .303 *Lee Enfield carbines*. Pasukan *Maxim Company* dan infantri pula mengendalikan .303 *Lee Enfield rifles*. Pasukan-pasukan *Volunteers* ini sering mengadakan latihan.¹¹⁹

Selain daripada kerja pertahanan dan kemudahan petempatan tentera, pihak perancang pertahanan Imperial juga telah mengambil langkah menyelaraskan kerja-kerja tersebut dengan lebih

teratur. Ini bagi memantapkan lagi sistem perlindungan yang ditawarkan oleh pihak pertahanan. Di samping itu, mereka juga terlibat dalam melaksanakan dasar keselamatan secara peraturan atau "bertulis". Ia adalah bertujuan untuk mengetatkan keselamatan di pulau tersebut terutamanya di kawasan pelabuhan yang menjadi nadi kepada kepentingan Imperial dan Kolonial.

4.5 Penyelarasan Pentadbiran Pertahanan Dan *Foreign-Men of War*

Isu kelemahan pertahanan Singapura atau dikenali sebagai *unprotected state of the fortifications* telah didebatkan secara serius pada tahun 1880-an. Selama ini soal pembiayaan pertahanan Pulau Singapura sentiasa menjadi perkara pokok dalam perdebatan dan percanggahan pendapat antara Kerajaan Kolonial dan Imperial. Namun begitu, apabila kes berkenaan mula mendapat kata sepakat, kini muncul pula persoalan mengenai penyelenggaraan kerja-kerja pertahanan di Singapura. Perkara tersebut telah diusulkan oleh Pejabat Perang kepada pihak pertahanan koloni dan pegawai pemerintah tentera di China dan Hong Kong. Proses penyelarasan pentadbiran pertahanan dilaksanakan selaras dengan kepentingan kedudukan Singapura sebagai sebuah stesen pertahanan Imperial.

Pada tahun 1887, Setiausaha Pejabat Perang pernah menyatakan bahawa perkara berkenaan lebih merupakan satu pertimbangan dan perbincangan antara *Joint War Office*, Pejabat Kolonial dan *Treasury*. Ia bukan satu persoalan atau perbincangan sesama pihak *Colonial Defence Committee*.¹²⁰ Perpindahan pengawasan dan penyelenggaraan kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura dan wilayahnya daripada pihak Kolonial kepada Imperial merupakan satu perkara yang amat penting. Dengan itu, ia tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa.¹²¹ Perpindahan ini secara sedar atau tidak merupakan satu bukti nyata yang menunjukkan kepentingan Pulau Singapura dan wilayahnya kepada Imperial. Di samping itu, ia juga menunjukkan peranan Imperial dalam mencorakkan pertahanan pulau tersebut.

Pentadbiran dan kuasa atau keputusan pertahanan Singapura perlu dipisahkan dari pentadbiran tentera di Hong Kong. Ia bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan arahan. Tambahan pula, beberapa arahan terutamanya bagi *China Station* serta tentera yang ditempatkan di Negeri-Negeri Selat diletakkan di bawah pengawasan *General Officer Commanding* di Hong Kong.¹²²

Setelah pembinaan kubu-kubu pertahanan Singapura selesai, *Royal Engineers* akan mengambil alih kubu-kubu tersebut daripada Kerajaan Kolonial. Kemudian, ia akan diserahkan kepada *Royal Artillery*.

Namun begitu, sebelum tindakan berkenaan dilaksanakan, *Commandant Royal Engineer China and Straits Settlements* perlu diberitahu mengenai hal ini dan pendapatnya perlu dipertimbangkan.¹²³ Di samping itu, pandangan dari aspek kesihatan atau perubatan juga difikirkan penting untuk melihat kesesuaian kedudukan *quarters* di beberapa buah kubu pertahanan di Singapura.¹²⁴

Berkenaan dengan perkara tersebut, pada tahun 1887, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah melaporkan bahawa tentera pengawal telah diundurkan dari kubu-kubu pertahanan di Pulau Singapura. Pengunduran mereka perlu segera diganti bagi mengelakkan orang-orang asing (*unauthorised person*) mengambil alih tugas tentera pengawal itu. *General Officer Commanding in China and Straits Settlements* melaporkan bahawa terdapat 15 orang tentera berbangsa Sikh di Singapura untuk menjalankan tugas berkenaan. Malah *Principal Medical Officer Commanding Royal Artillery and Infantry* merasakan bahawa keadaan kesihatan anggota *Royal Artillery* akan menjadi bertambah buruk sekiranya mereka meneruskan tugas mengawal di kerja-kerja pertahanan tersebut.¹²⁵


Pihak pentadbiran Singapura telah memberikan perhatian yang serius terhadap soal keselamatan dan pembinaan kubu pertahanan yang berkemungkinan terdedah kepada serangan dan pencerobohan. Kebimbangan tersebut telah diusulkan kepada pihak pertahanan. Namun

begitu, pegawai pemerintah *Royal Artillery* dan *General Officer Commanding* di Hong Kong berpendapat bahawa setiap rancangan pertahanan dan keselamatan harus diuruskan oleh pihak berkuasa Kolonial. Mereka perlu mengendalikan tugas-tugas berkenaan sehingga alih oleh pembinaan kerja-kerja pertahanan baru selesai dan diambil alih oleh Kerajaan Imperial.¹²⁶

Pada pertengahan tahun 1887, cadangan pengambilan kubu pertahanan Tanjong Katong oleh pihak Jabatan Pertahanan telah diutarakan. Fort Serapong dan Fort Teregeh yang telah siap pembinaannya didapati sudah sedia untuk diserahkan kepada Jabatan Pertahanan Negeri-Negeri Selat bagi pihak Kerajaan Imperial. Dalam masa yang sama juga, Fort Siloso dan kubu pertahanan baru di Pasir Panjang yang telah siap pembinaannya sedang menanti untuk dilengkapkan dengan tempat perletakan (*emplacement*) senjata yang berukuran lilit 9.2 inci. Penghantaran senjata berkenaan masih lagi dinantikan dari England.¹²⁷

Justeru itu, pembiayaan penyelenggaraan kelima-lima kubu pertahanan tersebut iaitu di Tanjong Katong, Serapong, Teregeh, Siloso dan Pasir Panjang akan ditanggung oleh pihak koloni Negeri-Negeri Selat. Sungguhpun dalam masa yang sama, kubu-kubu pertahanan berkenaan didiami oleh pasukan *Royal Artillery* serta dilengkapi dengan meriam, stor ubat bedil dan stor-stor senjata. Pihak Imperial akan membayar balik kos

Peta 4.6 Teregeh Battery, Pulau Brani. (Dilukis semula)



Sumber : CO 273/148 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 26 Okt. 1887, desp. 462, ff. 470-479.

penyelenggaraan yang terpaksa ditanggung oleh koloni berkenaan.¹²⁸

Perpindahan penyelarasan dan pentadbiran pertahanan dari Hong Kong ke Singapura (koloni Negeri-Negeri Selat), menunjukkan bahawa pihak Imperial kini lebih bersungguh-sungguh untuk membangunkan kerja-kerja pertahanan koloni. Semua kerja pertahanan yang dilaksanakan bertujuan untuk melindungi kepentingan Imperial. Mereka berusaha untuk menawarkan perlindungan dan keselamatan yang terbaik kepada Pelabuhan Singapura. Setiap laluan masuk ke pelabuhan diawasi dengan jangkauan tembakan meriam dan sistem pertahanan periuk api. Jaminan terhadap keselamatan pelabuhan tidak sahaja bergantung kepada kehadiran senjata tetapi juga melalui peraturan secara bertulis. Penguatkuasaan peraturan ini bertujuan untuk memastikan kehadiran kapal-kapal di Pelabuhan Singapura tidak membawa sebarang ancaman yang boleh memudaratkan keselamatan pelabuhan.

4.5.1 Peraturan Di Pelabuhan

"The capture and destruction of these establishments (merchantile docks) would be fatal, moreover, to Imperial commercial interests".¹²⁹

Pihak koloni Negeri-Negeri Selat dan Imperial menyedari bahawa pertahanan di pelabuhan masih lagi dianggap lemah dan perlu

dipertingkatkan. Ini kerana apabila berlaku perperangan, perkara penting yang perlu difikirkan ialah melindungi kepentingan-kepentingan Imperial. Dengan itu, pasukan pertahanan periuk api diaplikasikan di Singapura semenjak awal tahun 1880-an. Tidak hanya sistem pertahanan periuk api itu sahaja, pihak pentadbiran Negeri-Negeri Selat turut sama mengenakan peraturan ke atas *Foreign Ships of War* ke atas kapal-kapal perang asing termasuk kapal yang membawa tentera dan senjata.

Pada awal tahun 1889, satu arahan untuk mlarang penggunaan kemudahan pelabuhan kepada *Foreign-Men of War* telah dikeluarkan. Ia adalah berikutan kejadian dua buah kapal perang (*Men of War*) Rusia iaitu "Dimitri Donskoi" dan "Admiral Nakhinof" yang tiba di Singapura. Ketibaan kapal-kapal tersebut tanpa diiringi dengan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri-Negeri Selat.¹³⁰

Maka, surat pekeliling berkenaan peraturan *Foreign Men of War* perlu dikeluarkan dan dihantar kepada wakil atau kerajaan negara-negara asing. Tambahan pula, sehingga akhir tahun 1880-an, tiada satu kawasan pun yang khusus bagi *Men of War Anchorage* di Pelabuhan Singapura. Tindakan ini perlu untuk mengasingkan kawasan yang paling sesuai dan terbaik di New Harbour daripada dimasuki dan dicerobohi oleh *Men of War*.¹³¹

Gabenor Negeri-Negeri Selat telah disarankan oleh Kerajaan Imperial supaya menghantar pemberitahuan dan peraturan di Pelabuhan Singapura kepada Kerajaan Rusia berkenaan hal tersebut. Beliau turut digesa memberitahu mereka tentang undang-undang menghadkan jumlah kapal perang Rusia yang belayar di Kepulauan Melayu ini. Di samping itu, beliau perlu mempastikan kapal-kapal Rusia di Pasifik akan memberi notis ketibaan mereka ke pelabuhan-pelabuhan koloni Inggeris di rantau ini pada masa akan datang.¹³²

Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith pernah meluahkan rasa dukacitanya mengenai ketiadaan kawasan khusus bagi *Men of War* berlabuh. Beliau telah mencadangkan supaya satu kawasan khas disediakan bagi *Foreign Ships of War*. Terlebih dahulu, kapal-kapal perang asing ini perlu membuat permohonan kepada pihak Pelabuhan Singapura. Peraturan berlabuh di pelabuhan bagi *Foreign Men of War* akan hanya melibatkan kawasan yang dikhaskan di *Roads*. Kawasan ini diselenggarakan bersama dengan *Draft Notification* yang telah disusun setelah perbincangan dibuat di antara pihak pelabuhan dengan *Senior Naval Officers*.¹³³

Kawasan berlabuh (*anchorage*) bagi *Foreign Men of War* apabila memasuki Pelabuhan Singapura ialah *on line of bearing having the Flagstaff* di Fort Canning bersama dengan *Obelisk* (tugu peringatan) di

sebelah barat Esplanade atau di sebelah tenggara bering Timur dari *Flagstaff*. Tiada sebuah pun *Foreign Men of War* dibenarkan berlabuh di mana-mana kawasan selain daripada kawasan yang dikhaskan ini. Pemilihan ke atas garis bering ini adalah kerana kedalaman airnya sesuai bagi *draught* kapal *Foreign Men of War*. Mereka perlu berlabuh di *Men of War Anchorage* di *Roads* sementara menunggu keputusan permohonan yang dihantar kepada Gabenor untuk memasuki kawasan pelabuhan.¹³⁴

Menurut *Senior Naval Officer*, Inner Harbour perlu ditutup kepada semua kapal bersenjata walaupun di luar waktu peperangan. Kapal-kapal perang asing dilarang memasuki pelabuhan tanpa menghubungi pegawai pelabuhan terlebih dahulu. Pegawai ini akan bertindak mengikut arahan Gabenor. Peraturan sedemikian berupaya mencegah kemungkinan wujudnya peluang untuk menawan pasukan pertahanan di Pelabuhan Singapura.¹³⁵

Dalam *Government Notification No. 190*, tahun 1890, mengeluarkan kenyataan bahawa :-

"No Foreign Ship of War was permitted to take up any other anchorage or proceed to the Inner Harbour without first communicating with the Port Officer who will take the instructions of the Governor".¹³⁶

Pemberitahuan tersebut telah dikeluarkan oleh Sir Frederick Dickson, Setiausaha Tanah Jajahan yang bertarikh 27hb. Mac 1890. Maksud

Notification itu adalah setiap kapal perang asing yang tiba di Singapura mesti berlabuh di kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak pelabuhan sendiri.¹³⁷ Kapal-kapal yang ingin memasuki Inner Harbour perlu membuat permohonan khas kepada Gabenor dengan alasan yang munasabah.¹³⁸

Dengan adanya peraturan sedemikian, pihak koloni mampu menyekat sebarang usaha pencerobohan ke atas New Harbour. Ini dapat dibuktikan daripada permohonan Konsul Perancis di Singapura bagi sebuah kapal Perancis, "Dubourdieu" yang sedang menjalankan tugas sebagai skuadron Perancis di Lautan Pasifik. Beliau memohon agar kapal berkenaan dibenarkan memasuki dermaga di Pelabuhan Singapura tanpa menunggu di kawasan *Men of War Anchorage* terlebih dahulu.

Namun demikian, permintaan tersebut tidak dapat dipenuhi. Ini kerana setiap kapal perang atau kapal yang membawa senjata dan tentera asing dikehendaki memasuki kawasan berlabuh khas berkenaan. Setelah itu, barulah mereka boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran memasuki New Harbour dengan alasan yang sangat kukuh. Sungguhpun begitu, Gabenor perlu memastikan kapal-kapal itu tidak menambahkan bilangan tentera mereka semasa singgah di kawasan pelabuhan semasa pengisian arang batu.¹³⁹ Di samping itu, kapal-kapal perang asing yang singgah di Pelabuhan Singapura tidak dibenarkan berlabuh di dermaga yang terletak kira-kira 600 ela dari kawasan

pemasangan sistem pertahanan periuk api di Inner Harbour.¹⁴⁰

Dalam sepucuk surat bertarikh 27hb. Jun 1890 daripada General Officer Commanding di Negeri-Negeri Selat kepada Gabenor, menyebutkan bahawa satu peraturan telah dibuat berikut kata sepakat yang telah dicapai untuk menjamin ketenteraman koloni. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut :-

1. Pintu masuk dari sebelah barat New Harbour ditutup kepada semua kapal perang dan kapal yang mengangkut senjata dan tentera asing.
2. *Foreign Ships of War* tidak dibenarkan mengisi bekalan arang batu di New Harbour.
3. *Foreign Ships of War* tidak dibenarkan memasuki limbungan atau membaikpulih kapal di New Harbour. Hanya dalam keadaan yang terdesak atau kecemasan sahaja barulah mereka dibenarkan memasuki limbungan dan dermaga tetapi dalam jarak 600 ela dari Tanjung Pagar Spit.
4. Apabila *Foreign Ships of War* memasuki New Harbour, mereka mesti meninggalkan pelbagai jenis senjata di bawah pengawasan *Master Attendant*.
5. Kapal-kapal yang membawa tentera hanya dibenarkan memasuki limbungan dan menurunkan kira-kira 300 orang tentera tanpa bersenjata di kawasan yang telah diarahkan oleh *Master Attendant* sahaja.

Sekali lagi pada tahun 1891, arahan mengenai kemasukan *Foreign Men of War or Transport* ke New Harbour untuk berlabuh hanya

terhad dalam jarak 600 ela dari Tanjong Pagar Spit.¹⁴¹ Terdapat pegawai dalam angkatan laut Inggeris yang tidak bersepakat dengan idea 600 ela tersebut. Mereka ialah Vice Admiral Nowell Salmon dan Vice Admiral Sir Frederick Richard.¹⁴² Menurut pandangan mereka, nilai komersial Pelabuhan Singapura tidak sepatutnya dilingkari dengan peraturan ketat ke atas kapal yang menggunakan perkhidmatannya. Pendapat mereka ini mungkin ada benarnya. Ini kerana terdapat rancangan pihak Perancis dan Rusia untuk membangunkan Pulau Batam sebagai sebuah pengkalan arang batu yang baru selain daripada Pulau Sabang (di luar pantai sebelah utara Sumatera) yang diharap dapat memberikan saingan kepada Singapura.¹⁴³

Mengenai peraturan kemasukan kapal perang dan kapal yang membawa senjata serta tentera asing ke Pelabuhan Singapura, ia hanya boleh dilakukan setelah *Master Attendant* bersetuju dengan alasan yang dikemukakan oleh pihak kapal berkenaan. Beliau sendiri akan membuat permohonan kepada Gabenor untuk mengizinkan kapal asing memasuki limbungan untuk tujuan membaikpulih kapal.¹⁴⁴ Di samping itu, pengecualian ke atas peraturan demikian hanya boleh diadakan sekiranya kapal asing berkenaan dalam keadaan rosak (*disabled*). Maka dengan kuasa yang ada padanya, *Master Attendant* boleh meluluskan permohonan kapal tersebut tanpa merujuk kepada Gabenor terlebih dahulu.¹⁴⁵ Semasa dalam peperangan, *Master Attendant* akan bertindak sebagai agen kepada

General Officer Commanding untuk mengawasi lalu lintas laut tanpa meninggalkan fungsi sivilnya.¹⁴⁶

Foreign Men of War yang sampai ke Singapura tanpa sebarang notis dan memasuki kawasan *Men of War Anchorage* akan diletakkan di bawah pengawasan penuh pihak berkuasa pelabuhan. Mereka hanya boleh berlabuh di kawasan yang ditetapkan sahaja. Kapal perang atau tentera asing sama ada yang datang dari utara atau selatan Singapura akan diarahkan ke *Roads* dan berlabuh di situ, walaupun notis ketibaan mereka sudah dihantar kepada pihak berkuasa Singapura.¹⁴⁷

Maka, pihak Pelabuhan Singapura perlu mengkhususkan kawasan berlabuh yang sesuai untuk keperluan aktiviti pelabuhan serta kawasan kemudahan pengisian arang batu bagi kapal-kapal perang asing. Dengan larangan kemasukan *Foreign Men of War* ke Inner Harbour dan berlabuh di *Roads* serta di luar kawasan pemasangan periuk api, keselamatan dan kepentingan Imperial ini dapat dijamin. Tambahan lagi, kapal-kapal asing berkenaan tetap terdedah kepada tembakan meriam di kubu-kubu pertahanan di sebelah timur Pulau Singapura.¹⁴⁸

4.6 Kesimpulan

Kemajuan perdagangan dan pembangunan Pelabuhan Singapura menjadi penggerak kepada perlaksanaan sistem pertahanan

pulau tersebut. Perkhidmatan pembekalan arang batu dan petroleum di pelabuhan menyebabkan British telah berjaya menghidupkan lokasi dan laluan Selat Singapura sebagai jalan perdagangan dan komunikasi dunia di sebelah Timur. Maka, "*Key to the Far East*" ini perlu dilindungi secara menyeluruh. Pelaburan dan perlaksanaan kerja-kerja pertahanannya mesti dibuat tanpa terlalu memikirkan tentang kos yang terlibat. Tambahan lagi dengan segala kemudahan perkapalan serta limbungan dan dermaga yang efisien, Pelabuhan Singapura pasti menjadi impian setiap kuasa laut lain.

Dalam tahap ini, perbelanjaan pertahanan atau *Military Contribution* koloni adalah semakin meningkat. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Kerajaan Imperial masih menjadi penaung utama kepada perlaksanaan kerja-kerja pertahanan koloni. Pada tahun 1860-an, kepentingan Pulau Singapura telah menggerakkan perpindahan pentadbiran British dari India ke London. Pada tahun 1880-an pula, sekali lagi kepentingannya telah menarik perhatian pentadbiran British untuk memindahkan pentadbiran pertahanan koloni daripada pihak Kolonial di Hong Kong kepada pentadbiran Imperial. Di samping itu, perkembangan dalam politik dunia serta persaingan kuasa maritim yang menjelajah sambil menguasai laluan laut dan pembangunan dalam pembinaan angkatan laut masing-masing, turut mempengaruhi tindakan Inggeris dalam mencorakkan pertahanan Singapura.

Serentak dengan itu, pelan pertahanan koloni khususnya Singapura telah diangkat ke tahap pertahanan Imperial. Perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja pertahanan termasuk sistem pertahanan periuk api, membuktikan bahawa pertahanan Singapura adalah setanding dengan sistem pertahanan yang dibangunkan di pelabuhan-pelabuhan utama Imperial di Eropah, Malta, Mauritius, Hong Kong dan Trincomalee.

Pihak Kerajaan Kolonial dan Imperial menyedari tentang keperluan untuk membina sebuah limbungan yang mampu mengendalikan kapal-kapal besar, terutamanya *Men of War* di Kepulauan Melayu. Ia penting sebagai jaminan kepada aktiviti perdagangan dan perkапalan Imperial. Tambahan lagi, pernah terdapat *Men of War* British dari Bombay yang terpaksa kembali semula ke England untuk dibaikpulih.¹⁴⁹

Pada suku akhir abad ke-19, British telah mengorak langkah menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu yang kaya dengan hasil pengeluaran dan bijih timah. Dalam masa yang sama, mereka juga telah bertapak di China. Seperti di masa-masa yang lalu, usaha-usaha perluasan kuasa mereka ini lebih bersandarkan kepada motif keuntungan dan komersial. Dengan penguasaan ke atas hasil-hasil pengeluaran dan perdagangan, Inggeris telah berjaya membentuk keunggulan pelabuhan-pelabuhan utama mereka termasuk Singapura. Namun disebabkan oleh perlumbaan kuasa dan hubungan politik yang tegang antara kuasa-kuasa

Kolonial lain di Asia, British tidak dapat lari daripada rasa bimbang terhadap keselamatan kepentingan-kepentingan mereka ini.

Situasi dan hubungan politik yang runcing antara Britain, Perancis dan Rusia telah mengancam keselamatan pengkalan-pengkalan laut Inggeris di Timur. Dengan pengkalan Perancis di Saigon dan Rusia di Port Arthur, menyebabkan Setiausaha Luar Britain mencadangkan agar Britain mencari rakan sekutu untuk menghadapi kemungkinan perang dengan pihak bersekutu Rusia-Perancis.¹⁵⁰

Sesuatu yang menarik dalam suasana politik di arena antarabangsa ialah hubungan Britain-Jepun. Pada akhir bulan November 1901, Kabinet Britain telah meluluskan cadangan Setiausaha Luarnya mengenai usul bersekutu dengan Jepun. Maka pada tahun 1907, Tentera Bersekutu British-Jepun telah ditubuhkan.¹⁵¹ Tujuan adalah supaya Jepun dapat memberikan perlindungan kepada pemilikan-pemilikan British di Pasifik sementara mereka menumpukan kekuatan angkatan laut dan ketenteraan di Eropah. Tambahan lagi, kemenangan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun pada awal tahun 1900-an telah meletakkan negara Matahari Terbit itu sebagai satu kuasa maritim yang disegani.

Secara ringkasnya, peristiwa dan perkembangan kuasa-kuasa laut di Pasifik dan persaingan pembangunan angkatan laut serta perluasan pengaruh di kalangan negara-negara berkenaan, secara tidak langsung

telah menyebabkan kerja-kerja pertahanan semakin dipertingkatkan di Pulau Singapura dan wilayahnya. Perang Dunia Pertama yang meletus pada tahun 1914 turut menyebabkan peruntukan dalam sumbangan dan perbelanjaan koloni Negeri-Negeri Selat menjadi begitu tinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Persaingan dan perluasan kuasa ini akhirnya menyebabkan rancangan pembinaan sebuah pengkalan laut Imperial di Singapura telah dikemukakan. Objektifnya ialah untuk menghadapi serangan dan pencabulan kuasa Jepun yang pernah menjadi rakan sekutu British ke atas rantau Asia Tenggara dan sekaligus juga menawarkan perlindungan dan bantuan ketenteraan kepada koloni-koloni British di Australia. Pemilihan Singapura dan tidak Sydney sebagai sebuah pengkalan laut British di Timur menggantikan Hong Kong merupakan pilihan yang terbaik dalam melaksanakan impian "*Malta of the East*" Raffles.

Nota kaki

1. ARSS, 1890, hal. 13.
2. **Singapore and Straits Directory**, 1889, hal. 36.
3. ARSS, 1891-1903.
4. ARSS, 1904, hal. 11.
5. ARSS, 1900, hal. 16.
6. ARSS, 1913, hal. 21.
7. ARSS, 1890, hal. 20.
8. ARSS, 1894, hal. 17.
9. ARSS, 1895, hal. 12.
10. ARSS, 1897, hal. 10.
11. ARSS, 1904, hal. 27.
12. ARSS, 1894, hal. 27.
13. ARSS, 1907, hal. 28.

14. ARSS, 1909, hal. 18.
15. **Ibid.**
16. ARSS, 1901, hal. 19.
17. Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.
18. No. 18, Straits Settlements Military Contribution, dalam SSLCP, 15 Okt. 1891, C.98 - C.99.
19. Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222, dalam CO 273/541, ff. 1-65.

20. CO 273/178 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Apr. 1891, desp. War, ff. 99-107.
21. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
22. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 7 Okt. 1885, desp. War, ff. 649-655.
23. CO 273/136 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 9 Dis. 1885, desp. 461, ff. 300-302.
24. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
25. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
26. Ibid.
27. No. 22, Military Contribution of the Straits Settlements, dalam **SSLCP**, 17 Jun 1904, C. 113 - C. 115.
28. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
29. Ibid.
30. Ibid.
31. No. 13, Military Contribution, dalam **SSLCP**, 20 Okt. 1892, C. 257.
32. CO 273/163 : Treasury kepada Pejabat Kolonial, 10 Ogos 1889, desp. Tre., ff. 253-291.
33. ARSS, 1890, hal. 19.
34. Military Contribution Committee, 1927, no. fail : 28222 dalam CO 273/541, ff. 1-65.
35. Ibid.
36. CO 273/133 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 31 Mei 1881, desp. 117, ff. 484-490.

37. CO 273/134 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 28 Mei 1885, desp. 226, ff. 340-345.
38. CO 273/134 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 13 Apr. 1885, desp. 149, ff. 62-65.
39. CO 537/47 : Maxwell kepada Pejabat Kolonial, 28 Nov. 1893, desp. Conf., ff. 544-595.
40. CO 273/134 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 30 Apr. 1885, desp. 183, ff. 179-181.
41. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 24 Jul. 1885, desp. War, ff. 628-630.
42. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 27 Mei 1885, desp. War, ff. 607-612.
43. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 15 Jun 1885, desp. War, ff. 613-622.
44. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 9 Dis. 1885, desp. War, ff. 656-660.
45. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 24 Ogos 1888, desp. War, ff. 838-840.
46. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 3 Mei 1888, desp. War, ff. 723-725.
47. Ibid.
48. CO 273/157 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 9 Dis. 1885, desp. War, ff. 656-660.
49. CO 537/46 : F. Weld kepada Pejabat Kolonial, 11 Okt. 1887, desp. Sec., ff. 127-139.
50. CO 273/178 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 12 Nov. 1891, desp. War, f. 244.
51. CO 273/172 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 19 Mac 1891, desp. 123, ff. 565-575.
52. CO 537/48 : Mitchell kepada Pejabat Kolonial, 10 Okt. 1897, desp. Sec., ff. 565-575.

53. CO 273/166 : Setiausaha Pejabat Kolonial kepada Pejabat Kolonial, 17 Jun 1890, desp. Conf., f. 524.
54. CO 273/178 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 5 Sept. Jun 1891, desp. War, ff. 207-210.
55. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 6 Mei 1885, desp. War, ff. 601-606.
56. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 20 Apr. 1885, desp. War, ff. 596-598.
57. No. 2, Military Contribution, dalam **SSLCP**, 19 Feb. 1891, C. 8.
58. CO 273/133 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 28 Mac 1885, desp. 115, ff. 470-472.
59. Ibid.
60. Ibid.
61. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
62. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Ogos 1885, desp. War, ff. 632-640.
63. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
64. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 17 Ogos 1885, desp. War, ff. 632-640.
65. Ibid.
66. Ibid.
67. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 14 Jan. 1885, desp. War, ff. 577-582.
68. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 10 Dis. 1885, desp. War, ff. 661-667.
69. CO 273/134 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 1 Mei 1885, desp. Tel., ff. 194-197.

70. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
71. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 24 Jun 1885, desp. War, ff. 632-636.
72. Ibid.
73. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
74. Ibid.
75. CO 537/47 : Maxwell kepada Pejabat Kolonial, 31 Okt. 1893, desp. Conf., ff. 507-515.
76. CO 537/46 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 20 Okt. 1888, desp. Sec., ff. 282-408.
77. CO 537/47 : Maxwell kepada Pejabat Kolonial, 31 Okt. 1893, desp. Conf., ff. 507-515.
78. CO 537/46 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 2 Okt. 1888, desp. Sec., ff. 282-408.
79. Ibid.

80. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 3 Jul. 1888, desp. War, ff. 738-742.
81. CO 273/172 : C. Smith kepada Pejabat Kolonial, 19 Mac 1891, desp. 123, ff. 565-575.
82. CO 273/172 : C. Smith kepada Pejabat Kolonial, 26 Jan. 1891, desp. War, ff. 167-174.
83. CO 273/172 : C. Smith kepada Pejabat Kolonial, 19 Mac 1891, desp. 123, ff. 565-575.
84. Ibid.
85. CO 273/194 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Apr. 1894, desp. 106, ff. 514-516.
86. CO 273/244 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, Mac 1898, desp. War, ff. 292-295. 282

87. CO 273/194 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Apr. 1894, desp. 106, ff. 514-516.
88. Ibid.
89. CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 30 Mei 1894, desp. War, f. 536.
90. CO 273/244 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, Mac 1898, desp. War, ff. 292-295.
91. CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 30 Mei 1894, desp. War, f. 536.
92. Ibid.
93. CO 273/258 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 11 Okt. 1900, desp. 379, ff. 480-493.
94. CO 273/308 : J. Anderson kepada Pejabat Kolonial, 6 Feb. 1905, desp. 46, ff. 181-186.
95. CO 273/137 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Sep. 1885, desp. War, ff. 646-648.
96. CO 273/136 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 9 Dis. 1885, desp. 461, ff. 330-302.
97. Ibid.
98. CO 273/145 : F. Weld kepada Pejabat Kolonial, 9 Jul. 1887, desp. Conf., ff. 516-520.
99. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
100. CO 273/1566 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 21 ov. 1888, desp. War, ff. 861-866.
101. ARSS, 1895, hal. 6.
102. ARSS, 1896, hal. 5.
103. ARSS, 1897, hal. 5-6.
104. CO 357/47 : C. Smith kepada Pejabat Kolonial, 11 Apr. 1891, desp. Sec., ff. 287-401. 283

105. Ibid.
106. Ibid.
107. CO 537/47 : Maxwell kepada Pejabat Kolonial, 28 Nov. 1893, desp. Conf., ff. 544-595.
108. Ibid.
109. Ibid.
110. **Singapore and Straits Directory**, 1904, hal. 35.
111. **Singapore and Straits Directory**, 1906, hal. 36.
112. G.M. Reith, **Handbook To Singapore**, London, Oxford University Press, 1985, hal. 19.
113. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 18 Mac 1888, desp. War, ff. 726-729.
114. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 9 Ogos 1888, desp. War, ff. 764-770.
115. Ibid.
116. CO 273/163 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 12 Jul. 1889, desp. War, ff. 552-556.
117. CO 273/172 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 9 Mac 1891, desp. 105, ff. 461-505.
118. CO 537/48 : Mitchell kepada Pejabat Kolonial, 20 Dis. 1897, desp. Sec., ff. 492-498.
119. CO 273/308 : J. Anderson kepada Pejabat Kolonial, 1 Mac 1905, des. 76, ff. 275-295.
120. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Dis. 1877, desp. War, ff. 600-603.
121. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 6 Sep. 1887, desp. War, ff. 558-565.
122. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Nov. 1887, desp. War, ff. 587-599.

123. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 6 Sep. 1887, desp. War, ff. 558-565.
124. Ibid.
125. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Mei 1887, desp. War, ff. 544-546.
126. CO 273/150 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 6 Sep. 1887, desp. War, ff. 558-565.
127. CO 273/145 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 22 Jun 1887, desp. 260, ff. 394-399.
128. Ibid.
129. CO 273/156 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Ogos 1888, desp. War, ff. 774-839.
130. CO 273/158 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 22 Feb. 1889, desp. Conf., ff. 323-333.
131. Ibid.
132. CO 273/163 : Foreign Office kepada Pejabat Kolonial, 8 Ogos 1889, desp. For., ff. 410-415.
133. CO 273/154 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 22 Feb. 1889, desp. Conf., ff. 323-333.
134. Ibid.
135. Ibid.
136. CO 273/166 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 17 Jun 1890, desp. 258, f. 475.
137. CO 273/166 : Pejabat Kolonial kepada Pejabat Kolonial, 28 Ogos 1890, desp. Conf., f. 375.
138. CO 273/158 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 22 Feb. 1889, desp. Conf., ff. 323-333.
139. CO 273/166 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 17 Jun 1890, desp. 258, ff. 477-488.
140. Ibid.

141. CO 273/172 : C. Smith kepada Pejabat Kolonial, 29 Jan. 1891, desp. Conf., ff. 211-214.
142. Ibid.
143. CO 537/48 : Foreign Office kepada Pejabat Kolonial, 11 Mei 1894, desp. Conf., ff. 82-85.
144. CO 273/166 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 17 Jun 1890, desp. 258, ff. 477-488.
145. CO 273/166 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 11 Jan. 1894, desp. War, f. 32.
146. CO 537/48 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 16 Nov. 1894, desp. Sec., ff. 132-172.
147. CO 273/169 : Gabenor kepada Pejabat Kolonial, 20 Dis. 1890, desp. Conf., ff. 489-495.
148. CO 273/200 : Pejabat Perang kepada Pejabat Kolonial, 11 Jan. 1894, desp. War, ff. 346-445.
149. R.D. Jansen, "The Idea Of Singapore As A Naval Base And The Abandonment Of That Idea, 1885-1905", Tesis Sarjana Muda Sastera, Singapura, Universiti Malaya, 1954, hal. 11.
150. Ibid., hal. 34-39.
151. James Leasor, **Singapore : The Battle That Changed The World**, New York, Doubleday and Co. Inc., 1968, hal. 61.